

Meneroka Alkitab



*Mulakan perjalanan
anda dalam meneroka
buku yang dipanggil
Alkitab di sini*



Disokong oleh:



BIBLE SOCIETY
of MALAYSIA



Scripture
Union 读经会
SEVENHANJUNG-MALAYSIA

Penerbitan
Buku Kristian



Siri Penerokaan Asas Alkitab

Meneroka Alkitab



Peter C. T. Lim

Penasihat Isi Kandungan

Mr Brian Spoelman

Dr Ng Kam Weng

Rev Dr Lim Kar Yong

Disokong oleh:



**BIBLE SOCIETY
of MALAYSIA**



**Scripture
Union**

读经会

Hak cipta



Diterbitkan kali pertama di Malaysia pada tahun 2020 oleh
Pristine World Sdn Bhd
Hak cipta @2020 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan atau multimedia ini boleh dicipta semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula ataupun dihantar dalam sebarang bentuk ataupun cara, elektronik, mekanikal, cetak semula, rakaman, imbasan dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.

Petikan Alkitab diambil daripada ALKITAB VERSI BORNEO
COPYRIGHT@2016 BORNEO SABDA LIMITED

Tidak dibenarkan memetik atau mengeluar ulang Alkitab @ Borneo Sabda limited dan isi kandungan dalam cara apa pun dan untuk tujuan apa pun, tanpa kebenaran daripada pemegang hak milik Edisi Alkitab ini, iaitu Borneo Sabda Limited.

Untuk tujuan bukan komersil dan pemetikan tidak melebihi 1000 (seribu) ayat atau satu kitab, maka kebenaran tidak diperlukan, namun pada akhir petikan harus dicantumkan kata-kata:
'Dipetik daripada Alkitab @ Borneo Sabda Limited'

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bishop Ng Moon Hing dari Gereja Anglikan dan En Koh Earn Soo dari Scripture Union untuk dorongan mereka. Terima kasih juga kepada Rev Matthew K Punnoose dari Bible Society of Malaysia. Terima kasih kepada Dr Ng Kam Weng dan Rev Dr Lim Kar Yong kerana membaca skrip saya, En Chai Cheng Sheng kerana sudi mendengar idea saya ketika ia masih dalam proses pembentukan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Brian Spoeling kerana melihat draf awal saya serta memberikan maklum balas yang berharga ketika buku ini dalam proses penulisan. Terima kasih Eva Hew kerana menyemak kesilapan dan membuat pembetulan skrip akhir. Sekiranya masih terdapat kesalahan, semuanya kerana saya.

ISI KANDUNGAN

	Kata Pengantar Penghargaan	
01	Mengapa kita membaca Alkitab?	7
02	Apa itu Alkitab?	14
03	Perjanjian Lama	21
04	Perjanjian Baru	27
05	Alkitab Diajar dalam banyak cara sepanjang zaman	36
06	Alkitab dalam Bahasa Umum	45
07	Pemeliharaan Alkitab	59
08	Tema Utama dalam Alkitab	65
09	Bagaimana Alkitab memberi kesan kepada dunia	73
10	Bagaimana meneroka Alkitab secara peribadi	85
	Bibliografi	93

Kata Pengantar

Alkitab orang Kristian merupakan antara salah satu buku yang paling mengujakan di dunia. Ia merupakan sebuah buku yang paling banyak diterjemahkan ke bahasa-bahasa lain dan memegang rekod jualan terbanyak. Ramai yang menyatakan bahawa Alkitab boleh digunakan sepanjang zaman dan relevan dalam semua situasi. Bagi orang Kristian, Alkitab ialah Firman Tuhan- “ia boleh mencegah seseorang dari jatuh ke dalam dosa; memahami dan menyelami kedalaman jiwa setiap orang; menjadi terang bagi jalan dan pelita bagi kaki seseorang; ialah kebenaran dan boleh membebaskan manusia...”.

Buku **Meneroka Alkitab** ini cuba untuk menyatakan gambaran keseluruhan Alkitab serta cabaran-cabaran dan kejayaan yang telah dilalui selama beribu-ribu tahun yang lepas secara komprehensif. Ia menyampaikan kisah tentang jiwa-jiwa yang terkesan dan diubah menjadi baik kerana Alkitab dan pemeliharaannya kepada kita sebagai pembaca moden. Kesaksian-kesaksian dari ramai orang, seperti beberapa yang dinyatakan dalam buku ini, sangat menitikberatkan kegunaan dan efek dinamik buku ini – Alkitab.

Saya secara peribadi ingin menyarankan anda untuk membaca Alkitab, bermula dengan bantuan buku **Meneroka Alkitab** ini kemudian seluruh Alkitab itu sendiri. Firman Tuhan sangat berkuasa sehingga Alkitab menyatakan bahawa ‘ia tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia’ tetapi akan melaksanakan apa yang harus dilakukannya. (Yesaya 55:11)

Semoga Tuhan terus memberkati dan memimpin anda yang ingin mencari kebenaran.

Sucikanlah mereka dengan kebenaran-Mu; firman-Mu adalah kebenaran. (Yohanes 17:17)



Rt. Rev. Datuk Ng Moon Hing
Uskup di Keuskupan Malaysia Barat

Prakata

Kita hidup di zaman di mana maklumat boleh diperoleh dengan senang dan ramai orang muda mempunyai persoalan tentang Alkitab. Bagaimana Alkitab dibukukan? Bolehkah ia dipercayai? Adakah ia sudah diubah seperti yang dikatakan oleh orang lain? Adakah Alkitab masih relevan dengan isu-isu moden pada hari ini?

Buku **Meneroka Alkitab** ini bukan Alkitab itu sendiri tetapi ia boleh menjadi pengiring yang baik. Ia membantu menjawab beberapa persoalan yang kita ada tentang Alkitab. Bagaimana Alkitab terbahagi kepada Perjanjian Lama dan Baru? Mengapakah kita boleh mempercayai ketepatan teks-teks yang ada? Mengapa ramai lelaki dan wanita mengabdikan diri untuk menjadikan Alkitab seperti yang kita ada hari ini, malah ada yang sanggup menggadai nyawa mereka?

Selain daripada soalan-soalan tersebut, buku ini juga menunjukkan bagaimana Alkitab mempengaruhi masyarakat dan mengubah sosial, politik dan dasar awam yang memberi kesan kepada kita, terutamanya hidup wanita dan kanak-kanak. Kita dapat melihat bagaimana Alkitab memberi kesan kepada keadilan sosial serta pendidikan secara besar-besaran.

Selain dari membaca buku ini, saya ingin mendorong anda untuk membaca Alkitab sendiri. Buku ini memberikan anda beberapa cadangan tentang bagaimana untuk memulakan pembacaan Alkitab. Kita tidak tahu, mungkin hidup anda akan diubah seperti hidup saya sendiri dan terus-menerus diubah melalui Firman Tuhan.



En. Koh Earn Soo
Pengarah Eksekutif
Scripture Union Semenanjung Malaysia



Penghargaan

Ditulis dan diterbitkan oleh:

Peter C.T. Lim

Peter C.T. Lim merupakan penulis dan penerbit Siri Penjelajahan Alkitab Visual Pristine World. Beliau juga merupakan Penyunting Umum dan penerbit buku-buku Siri Sejarah Gereja Keluarga. Beliau banyak menjelajah di negara-negara dalam Alkitab dan seorang peminat sejarah. Sebelum menjadi penerbit beliau bekerja dalam industry I.T selama 20 tahun.

Panel Penasihat:

Brian Spoelman

Pengarah Program – SIL

Dr Ng Kam Weng

Penulis, Pengarah Kaji Selidik di Kairos Malaysia

Rev Dr Lim Kar Yong

Penulis, Dekan di Seminary Theology Malaysia, Kampus KL

Pengarah Program Lepasan Ijazah, Seminari Teoloji

Malaysia

Ilustrasi oleh:

Cik Yap E-Lene

Pengaturcara dan perekasusun atur:

Kee Hup Thong

Gambar oleh:

Penulis – Peter C.T. Lim

Wikimedia Commons – Domain Awam melalui CCO.V3
kecuali dinyatakan sebaliknya

Diterbitkan oleh Pristine World Sdn Bhd

Untuk pertanyaan email ke: pristineworld@gmail.com

Laman Web: www.pristine-world.com

Modul E-Pembelajaran: www.pristineworld-learning.com

Mengapa Kita Membaca Alkitab?

I.1 BUKU-BUKU YANG TELAH MEMBERI IMPAK KEPADA SEJARAH




Salam sejahtera para pembaca, saya Jessica dan ini rakan saya Roy. Bersama-sama, kami akan membawa anda ke dalam satu penjelajahan untuk mengetahui lebih banyak maklumat tentang buku yang dipanggil Alkitab. Buku memainkan peranan penting dalam kemajuan tamadun manusia. Keupayaan untuk merekod buah fikiran, penemuan saintifik, transaksi perdagangan, sejarah dan juga ciptaan-ciptaan boleh dilakukan kerana wujudnya buku-buku.

Rekod-rekod yang ditulis sama ada di atas batu, tanah liat, kulit, kertas, buku berjilid mahupun media elektronik telah membantu kita untuk membangun serta membentuk dunia kita pada hari ini.

Buku-buku dalam perpustakaan, repositori pengetahuan asal Google Cloud, telah membantu kita untuk membentuk katalog serta menyebarkan pengetahuan supaya generasi akan datang bukan sahaja boleh mengulangi apa yang telah kita lakukan, malah mereka boleh menjadi lebih baik.




Epic Gilgamesh dari Ashurbanipal. Alat penstoran elektronik.
Sumber: Wikimedia Commons





Tanggapan Artis tentang Perpustakaan Agung Alexandria s. 200 SM.
Sumber gambar:Wikimedia Commons

Banyak buku-buku yang ditulis pada masa dahulu telah menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia. Beberapa tajuk buku yang menjadi contoh adalah *The Art of War* oleh Sun Tzu, *The Republic* oleh Plato, *Wealth of Nations* oleh Adam Smith, *Procedure for Writing Words, Music and Plainsong in Dots* oleh Louis Braille, *The Origin of Species* oleh Charles Darwin, *Das Kapital* oleh Karl Marx dan banyak lagi. Pada tahun 2010, Google menganggarkan bahawa terdapat kira-kira 130 juta tajuk buku di seluruh dunia.



Kitab Suci






Akan tetapi, jika kita diminta untuk memilih satu buku yang paling menonjol, buku yang telah memberikan impak paling besar dalam pembentukan sejarah dan masih kekal mempengaruhi masyarakat sehingga hari ini, kebanyakan ahli sejarah akan meletakkan Alkitab di senarai teratas.

Banyak tamadun moden yang maju dalam hal-hal politik dan teknologi, berserta dengan keadilan sosialnya boleh dijejak dari buku ini. Oleh sebab itu, adalah berbaloi untuk meneroka dan meneliti mengapa Alkitab ini sangat penting.



1.2 BUKU YANG TERLARIS DI DUNIA

Alkitab merupakan buku yang paling laris di sepanjang zaman. Menurut Guinness Book of World Records, tidak diragui lagi bahawa Alkitab merupakan buku terlaris di dunia serta buku yang paling banyak diedarkan di seluruh dunia. Satu kaji selidik yang dilakukan oleh Bible Society menyimpulkan bahawa kira-kira 2.5 bilion naskah telah di cetak di antara tahun 1815 sehingga 1975.



Sumber: Guinness Book of World Records

<https://www.guinnessworldrecords.com/world-records/best-selling-book-of-non-fiction/>

1.3 BUKU YANG PALING BANYAK TERJEMAHAN

Pada hari ini, terdapat beribu-ribu ahli bahasa telah mendedikasikan hidup mereka untuk menterjemah Alkitab kepada semua bahasa yang aktif digunakan di seluruh dunia. Selalunya, Alkitab menjadi buku pertama yang diterjemahkan kepada bahasa yang sebelumnya tidak pernah ditulis.

Menurut Wycliffe Bible Translator, pada bulan Oktober 2017, terdapat 1,521 rumpun bahasa yang mendapat akses kepada Perjanjian Baru dalam bahasa ibunda mereka dan 670 rumpun bahasa mendapat terjemahan Alkitab yang lengkap.



Sumber gambar: <https://www.wycliffe.net/resources/scripture-access-statistics/>

I.4 IA MEMBENTUK DUNIA SERTA BAHASA KITA

Alkitab telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris pula mempengaruhi Bahasa-bahasa lain melalui media dan teknologi moden.

Bahasa Inggeris penuh dengan gambaran Alkitabiah yang telah tersemat dalam budaya berfikir dan bertutur kita.

Sebagai contoh, frasa-frasa Bahasa Inggeris seperti *The blind leading the blind, turn the other cheek, go the extra mile, the writings on the wall, love your enemies, good Samaritan, wash one's hand of* dan banyak lagi diambil dari Alkitab.

I.5 BUKU YANG PALING BANYAK KONTROVERSI DAN TERANIAYA

Alkitab merupakan Kitab Suci bagi 2.2 bilion orang Kristian. Akan tetapi, ia juga merupakan buku yang paling diharamkan di seluruh dunia, dalam pelbagai cara. Banyak Negara membenarkan Alkitab dalam bahasa asing seperti Bahasa Inggeris untuk dibawa masuk tetapi akan merampas Alkitab yang ditulis dalam bahasa tempatan.



Negara China telah mengharamkan penjualan Alkitab secara atas talian. Ironinya, China mempunyai jumlah cetakan Alkitab terbesar. Akan tetapi China meletakkan syarat-syarat tertentu kepada rakyatnya tentang versi Alkitab apa yang boleh digunakan dalam gereja yang 'diluluskan oleh kerajaan'.


Sumber gambar: NYTimes

Mengapa mereka takut akan Alkitab? Adakah mereka takut ajaran-ajaran dalam Alkitab akan mengubah hidup dan cara berfikir rakyat mereka?

Selain kerajaan tempatan, bagaimana pula tindak balas individu terhadap Alkitab?

Walaupun Alkitab menjadi buku kesayangan bagi ramai orang, ia juga merupakan buku yang paling dibenci. Ajaran-ajaran sederhana yang terkandung di dalamnya mudah difahami oleh kanak-kanak, tetapi mesej-mesej kompleks dalam Alkitab mampu membuat ahli intelek bingung.

I.6 APAKAH ISU-ISU ATAU TOPIK-TOPIK YANG DITANGANI DALAM ALKITAB?



Rasul Paulus berkhotbah kepada keluarga Cornelius sehingga mereka menjadi Kristian. Sumber gambar:Wikimedia Commons

Apakah isu-isu atau topik-topik perbincangan dalam Alkitab yang membuatnya begitu menarik dan kadang-kala bersifat kontroversi?

Secara ringkasnya, Alkitab membincangkan soalan-soalan asas seperti siapakah kita dan apakah tujuan kita hidup di bumi. Ia juga menunjukkan bagaimana Tuhan mencipta kita; apa yang telah dicipta-Nya untuk kita dan bagaimana hubungan kita dengan Tuhan terputus kerana pemberontakan.

Ia membantu kita mencari jawapan bagi soalan-soalan seperti bagaimana menangani ketakutan, kemarahan, rasa bersalah, kesedihan. Ia memberikan sistem keadilan sosial kepada kita berdasarkan pandangan Tuhan. Tetapi apa yang lebih penting, ia

memberitahu bagaimana Tuhan menjangkau manusia pada masa lalu dan terus berbuat demikian sehingga sekarang, supaya kita boleh berdamai kembali dengan-Nya.


PEMUDA-PEMUDI INGINKAN KEBIJAKSANAAN DARI ALKITAB

Berjuta-juta orang Amerika mengatakan bahawa Alkitab membantu mereka menangani liku-liku dan kesukaran hidup. Kebenaran ini dapat dilihat khususnya dalam kalangan generasi Mosaics (umur 18-28 tahun) yang melebihi purata peratusan menunjukkan minat dalam kebijaksanaan Alkitab tentang topik-topik di bawah. Ini menjadi satu aliran gaya yang jelas kelihatan memandangkan generasi Mosaics lebih jarang membaca Alkitab dan kurang menunjukkan minat berbanding generasi yang lebih tua.

Berminat dalam kebijaksanaan Alkitab tentang:	Semua orang Dewasa	Generasi Mosaics
Menangani penyakit/kematian	28%	33%
Menyelesaikan konflik keluarga	24%	40%
Ilmu Keibubapaan	22%	42%
Percintaan dan hubungan seksual	17%	30%
Bercinta dan perhubungan	16%	35%
Pengaruh teknologi	12%	14%
Menangani masalah perceraian	8%	15%

Sumber: American Bible Society's State of the Bible 2013 – Bama group

Kata Kunci Pencarian yang Tertinggi tentang Alkitab



Sumber: BibleGateway.com

2 | Apa itu Alkitab

2.1 ALKITAB MERUPAKAN SEBUAH BUKU YANG SANGAT UNIK

Ia sebenarnya sebuah perpustakaan buku yang terbahagi kepada dua seksyen utama iaitu:

1. Perjanjian Lama
2. Perjanjian Baru

Perjanjian bermaksud persetujuan khusus.

Dalam konteks Alkitab ia bermaksud satu persetujuan suci atau istimewa antara Tuhan dan manusia.

Terdapat 39 buah buku atau kitab di dalam Perjanjian Lama dan 27 kitab di dalam Perjanjian Baru. Ada beberapa kitab yang panjang dan ada juga yang singkat. Contohnya, beberapa kitab dalam Perjanjian Baru sebenarnya surat yang ditulis kepada jemaah awal dan ianya sangat singkat tetapi beberapa buku sejarah lebih panjang.



2.2 BAGAIMANA BAB-BAB DAN AYAT-AYAT ALKITAB TERBENTUK?

Walaupun pada asalnya tidak tercatit dalam tulisan, penanda bab-bab dan ayat-ayat ditambah untuk membantu pembaca mengenalpasti bahagian yang spesifik dalam Alkitab.

Pembahagian bab-bab yang biasa digunakan pada hari ini telah dibuat oleh Stephen Langton, seorang Uskup Agung dari Canterbury. Langton meletakkan pembahagian bab-bab moden pada sekitar tahun 1227 M.



Stephen Langton
Sumber gambar:
Wikimedia Commons




Robert Estienne Stephanus
Sumber gambar: Domain Awam
melalui Wikipedia

Seorang rabbi Yahudi yang bernama Nathan telah membuat pembahagian ayat-ayat bagi kitab Perjanjian Lama Bahasa Ibrani pada tahun 1448 M. Robert Estienne yang juga dikenali sebagai Stephanus merupakan orang pertama yang membahagikan kitab Perjanjian Baru kepada ayat-ayat yang mempunyai nombor standard pada tahun 1555. Stephanus memakai kaedah pembahagian Nathan untuk kitab Perjanjian Lama. Sejak dari itu, bermula dengan Alkitab Geneva, kaedah pembahagian bab-bab dan ayat-ayat oleh Stephanus telah diterima dalam hampir semua versi Alkitab.



Alkitab Bahasa Inggeris pertama yang memakai kaedah moden dalam pembahagian bab-bab dan ayat-ayat ialah Alkitab Geneva, diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1560.

Hari ini, kita masih memakai kaedah pembahagian yang sama. Gambar menunjukkan Alkitab moden yang biasa. Bab-bab dan ayat-ayat telah diwarnakan.



2.3 APAKAH GAYA DAN GENRE BERLAINAN YANG TERDAPAT DALAM ALKITAB

Terdapat 66 buah buku dalam Alkitab. Ada kalanya kita mendapati sesetengah bahagian dalam Alkitab susah untuk difahami. Ini kerana terdapat banyak genre atau gaya penulisan dalam buku-buku dalam Alkitab.

Kadang-kadang terdapat beberapa gaya penulisan yang berlainan dalam satu buku dalam Alkitab. Contohnya, lima buku pertama dalam Alkitab mengandungi sejarah dan perintah-perintah.

Adalah penting untuk kita mengetahui gaya penulisan dalam sesebuah buku kerana ia membantu kita memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Kita juga melakukan hal yang sama pada hari ini.

Contohnya, apabila kita membaca surat khabar yang melaporkan tentang suatu kejadian, kita pastinya ingin membaca fakta tentang kejadian yang berlaku. Tetapi jika kita membaca komik,

kita tidak beranggapan bahawa semua perkara yang terjadi dalam komik tersebut benar-benar berlaku tetapi ianya sekadar penerangan tentang satu kejadian atau seseorang yang kadang-kala dilakukan dalam suasana lucu atau sedih.

BUKU-BUKU DALAM ALKITAB

PERJANJIAN LAMA

PERINTAH-PERINTAH

Kejadian	Bilangan
Keluaran	Ulangan
Imamat	

SEJARAH

Yosua	2 Raja-raja
Hakim-hakim	1 Tawarikh
Rut, 1	2 Tawarikh
Samuel	Ezra
2 Samuel	Nehemiah
1 Raja-raja	Ester

KEBIJAKSANAAN

Ayub	Pengkhotbah
Mazmur	Kidung Agung
Amsal	

NABI-NABI

Yesaya	Yunus
Yeremiah	Mikha
Ratapan	Nahum
Yehezkiel	Habukuk
Daniel	Zefanya
Hosea	Hagai
Yoel	Zakharia
Amos	Maleakhi
Obaja	

PERJANJIAN BARU

INJIL

Matius	Lukas
Markus	Yohanes

SEJARAH GEREJA

Kisah Para Rasul

SURAT-SURAT PAULUS

1 Korintus	1 Tesalonika
2 Korintus	2 Tesalonika
Galatia	1 Timotius
Efesus	2 Timotius
Filipi	Titus
Kolose	Filemon

SURAT UMUM

Ibrani	1 Yohanes
Yakobus	2 Yohanes
1 Petrus	3 Yohanes
2 Petrus	Yudas

NUBUAT

Wahyu

2.4 MENGAPA KONTEKS SEJARAH PENTING UNTUK MEMBANTU KITA MEMAHAMI ALKITAB

Alkitab ditulis dan disusun dalam jangka masa kira-kira 1,500 tahun! Tidak ada buku lain yang boleh mengatakan hal yang sama.

Dalam satu jangka masa yang panjang, konteks sejarah dan budaya memainkan peranan yang penting dalam memahami mesej yang terdapat dalam bahagian berbeza dalam Alkitab.

Dalam jangka masa selama 1,500 tahun sejarah Alkitab, beberapa empayar mendominasi dunia yang terkenal; Orang Asyur, Babilonia, Parsi, Yunani dan Empayar Roma. Setiap kuasa dominan ini mempunyai bahasa dan budaya mereka tersendiri. Mesej Alkitab tidak terhad kepada mana-mana tempoh masa. Walaupun pembaca asal mungkin tergolong dalam satu era atau dekad tertentu, pengajaran yang terkandung dalam Alkitab sesuai untuk semua orang.

Kita harus memahami apa mesej yang ditujukan kepada pembaca asal supaya kita boleh menemui apakah pengajaran yang boleh kita ambil pada masa kini.

2.5 SIAPAKAH YANG MENULIS ALKITAB?

Walaupun kita tahu bahawa Tuhanlah penulis sebenar Alkitab, Dia memakai ejen manusia untuk menulis buku-buku berlainan dalam Alkitab.

Alkitab ditulis oleh 40 orang penulis.

ALKITAB – Fakta Menarik

. 66 buku atau kitab	. Satu cerita
. 40 orang penulis yang berlainan	. Satu tema
. Berusia hampir 1500 tahun	. Tiada percanggahan
. Lebih dari 10,000 peristiwa	. 40 penulis, 15 abad, tetapi hanya SATU PENULIS

“... Disuarakan oleh orang ketika digerakkan oleh Roh Kudus untuk menyampaikan kata-kata daripada Allah.” (2 Petrus 1:21)

Untuk bacaan lanjut sila lihat
<https://www.bibleinfo.com/en/questions/who-wrote-the-bible>

Ada beberapa antara penulis berpangkat raja seperti Daud dan Solomon. Musa yang telah menulis lima buku pertama dalam Alkitab merupakan bekas putera Mesir. Penulis lain termasuk nabi-nabi dan jurutulis yang merekodkan sejarah Israel. Ramai

juga penulis yang merupakan orang biasa seperti Matius, bekas pemungut cukai dan juga rasul-rasul lain yang bekerja sebagai nelayan. Terdapat satu buku yang ditulis oleh orang bukan Yahudi bernama Lukas. Beliau merupakan seorang doktor. Tuhan tidak menentukan perkataan-perkataan yang ditulis oleh penulis-penulis ini. Akan tetapi Dia memberikan mereka satu mesej dan membenarkan mereka untuk menulisnya dengan sebaik mungkin menurut konteks budaya dan sejarah mereka.

Oleh itu, penting untuk kita mengetahui genre dan juga konteks sejarah dan budaya penulisan tersebut supaya kita boleh memahami mesejnya dengan lebih baik.



Muzium Brooklyn – Jamuan para rasul (La communion des apôtres) – James Tissot



Sumber: OverviewBible.com, Jefrey Kaaz

Penjarian Bahu

PENULIS BUKU-BUKU

BUKU	PENULIS	BUKU	PENULIS	BUKU	PENULIS
MATIUS	MATIUS	ROMA 1 KORINTUS 2 KORINTUS		IBRANI DIKETAHUI	
MARKUS	YOHANES MARKUS	GALATIA EFESUS FILAPI		YAKOBUS	YAKOBUS
LUKAS	LUKAS	KOLOSE 1 TESALONIKA 2 TESALONIKA	PAULUS	1 PETRUS 2 PETRUS	PETRUS
YOHANES	YOHANES	1 TIMOTIUS 2 TIMOTIUS TITUS FILEMON		YUDAS	YUDAS
KISAH PARA RASUL	LUKAS			WAHYU	YOHANES

3

Perjanjian Lama

3.1 KEADAAN GEOGRAFI PADA ZAMAN PERJANJIAN LAMA



Peta Sejarah Alkitab Dunia Perjanjian Lama dari peta dunia bangsa-bangsa bersatu, Sumber:bible-history.com

Buku Kejadian bermula dengan penciptaan dunia. Selepas banjir besar, cerita dalam Kejadian tertumpu kepada keluarga Abraham dari Ur.




Kemudian cerita dalam bahagian buku Kejadian yang seterusnya bertempat di Hilal Subur dari Iran/Parsi moden di kawasan timur sehingga ke Mesir di kawasan barat. Ia juga merangkumi Turki di bahagian utara sehingga ke Etiopia di bahagian selatan.

3.2 GARIS MASA PERJANJIAN LAMA

Kitab Perjanjian Lama dimulakan dengan frasa “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi” yang boleh dilihat dalam Kejadian bab 1 ayat 1.

Ini mungkin sebahagian dari sejarah lisan orang Ibrani yang diturunkan dari generasi ke generasi yang seterusnya. Ini berlaku sebelum kita mempunyai sejarah bertulis jadi agak sukar untuk meletakkan tarikh seperti yang kita tahu. Walau bagaimanapun, apabila kita sampai di bahagian cerita Abraham, kita diberikan lebih banyak maklumat yang boleh memberitahu kita secara kasar bila tarikh kejadian ini berlaku. Abraham berasal dari Ur, dan ia wujud kira-kira pada tahun 2000 SM, sebelum kelahiran Kristus, ataupun Sebelum Masihi (SM).

Kitab Perjanjian Lama berakhir dengan buku Maleakhi yang ditulis sekitar tahun 400 SM.



<https://www.slideshare.net/Turnwall/old-testament-overview>

3.3 BUKU-BUKU DALAM PERJANJIAN LAMA

Terdapat 39 buah buku dalam Perjanjian Lama dan dikategorikan seperti berikut. Carta menunjukkan buku-buku dan bilangan bab di dalamnya.

Buku-buku ini sama seperti yang ditemui dalam Kitab Suci Yahudi Ibrani. Bezanya, dalam Alkitab kita membahagikan beberapa buku kepada dua bahagian contohnya 1 dan 2 Raja-raja di mana dalam Kitab Suci Ibrani ia hanya Raja-raja.

Lima buku pertama dalam Alkitab di gelar sebagai Pentateukh atau buku perintah-perintah. Buku-buku ini ditulis oleh Musa.

Kemudian set buku yang seterusnya dipanggil buku-buku sejarah. Terdapat 12 buku sejarah kesemuanya.

ia diikuti dengan 5 buku-buku Puisi, 5 buku Nabi-nabi Besar dan 12 buku Nabi-nabi Kecil.

Nabi-nabi kecil tidak semestinya kurang penting berbanding nabi besar. Mereka dipanggil ‘kecil’ kerana buku yang ditulis oleh mereka mempunyai bab yang lebih sedikit.

BUKU-BUKU DALAM PERJANJIAN LAMA

PENTATEUKH

Kejadian	50
Keluaran	40
Imamat	27
Bilangan	36
Ulangan	34

PUISI

Ayub	43
Mazmur	150
Amsal	31
Pengkhutbah	12
Kidung Agung	34

SEJARAH

Yosua	24
Hakim-hakim	21
Rut	4
1 Samuel	31
2 Samuel	24
1 Raja-raja	22

2 Raja-raja	25
1 Tawarikh	29
2 Tawarikh	36
Ezra	10
Nehemiah	13
Ester	10

NABI-NABI BESAR

Yesaya	66
Yeremia	52

Ratapan	5
Yehezkiel	48
Daniel	12


NABI-NABI KECIL

Hosea	14
Yoel	3
Amos	9
Obaja	1
Yunus	4
Mikha	7

Nahum	3
Habakuk	3
Zefanya	3
Hagai	2
Zakharia	14
Maleakhi	4

3.4 BAGAIMANA PERJANJIAN LAMA DITULIS DAN DIKUMPUL BERSAMA?

Sebahagian besar kitab Perjanjian Lama ditulis dalam Bahasa Ibrani dan sebahagian kecil dalam Bahasa Aramia. Bahasa Aramia merupakan bahasa umum tempatan sama seperti Bahasa Greek sewaktu zaman Perjanjian Baru dan Bahasa Inggeris pada masa kini.



Tulisan Kuneiform di atas batu dan kepingan tanah liat.

Sumber: historic connections

ia mungkin menggunakan alat tulis yang berbeza: Membuat ukiran di atas batu seperti Sepuluh Perintah Tuhan, atau dipahat di atas kepingan tanah liat, atau ditulis menggunakan dakwat istimewa di atas kertas papyrus dan kulit. Nabi Musa yang telah menjadi

anak angkat seorang puteri Mesir telah diajar menulis dengan cara ini.

Seluruh kitab Perjanjian Lama ditulis di atas gulungan kertas kulit dan kemudiannya di atas kertas papyrus. ia menjadi pelopor bagi buku cetak moden masa kini.



Papyrus boleh dipotong dalam bentuk segi empat sama atau tepat kemudian dijahit bersama dengan kulit untuk menjadi seperti buku. Kepingan papyrus yang dijahit bersama untuk menjadi buku dikenali sebagai kodeks dan menjadi popular bermula dari era Roma dan seterusnya.

Pada sekitar tahun 450 SM, Ezra, seorang paderi dan jurutulis mendapatkan beberapa Kitab Ibrani dan mengumpulkannya bersama untuk membentuk Kitab Suci Yahudi. Setelah sekian lama, kitab-kitab tersebut menjadi bahagian muktamad dalam Perjanjian Lama.



Ezra membacakan Hukum orang Yahudi. Ilustrasi oleh Gustave Dore.

3.5 MENGAPAKAH PERJANJIAN LAMA MENJADI SEBAHAGIAN DARI ALKITAB ORANG KRISTIAN?

Perjanjian Lama menjadi bahagian dalam Alkitab kerana ia memberikan gambaran bagaimana Tuhan membentuk dunia dengan baik dan sempurna. Kesempurnaan ini musnah apabila lelaki dan wanita memberontak menentang Tuhan.

Persekutuan antara manusia dan Tuhan terputus. Kemudian kisah yang seterusnya menceritakan tentang bagaimana Tuhan menjangkau manusia untuk kembali kepada-Nya.

Carta di bawah menunjukkan bagaimana Perjanjian Lama dan Baru berbeza namun ia melengkapi satu sama lain.

Perjanjian Lama	Perjanjian Baru
39 buku	27 buku
Ditulis sekitar tahun 1450 sehingga 400 SM	Ditulis sekitar tahun 49 sehingga 96 M
Tema berpusat kepada manusia yang memerlukan penebusan	Tema berpusat kepada Tuhan yang memberikan penebusan
Bernubuat dan menyediakan jalan bagi Kristus	Menceritakan kehidupan dan pekerjaan Kristus
12 suku Israel ditonjolkan	12 murid Kristus ditonjolkan
Tuhan ingin menyatakan kemulian-Nya melalui Israel	Tuhan ingin menyatakan kemulian-Nya melalui gereja
Bermula di Taman (Eden) dengan ciptaan Tuhan dirosakkan dengan dosa	Berakhir dengan ciptaan baru Tuhan iaitu surga dan bumi baru yang bebas dari dosa kerana pengorbanan Kristus

Rujukan: *Self-guided Tour of the Bible* oleh Rose Publishing



Kitab Perjanjian Baru dimulakan dengan 4 buku injil yang berpusat di sebuah negara yang kita kenal sebagai Israel pada masa kini serta kawasan sekelilingnya.



Kuil Herodes – Muzium Pristine World

Selepas Injil, buku Kisah Para Rasul memberitahu kita kisah bagaimana para rasul menyebarkan Berita Baik di luar Yerusalem dan seterusnya. Kemudian rasul Paulus membawa injil dalam perjalanan misinya dan akhirnya tiba di Roma.



Rujuk peta-peta untuk melihat tempat yang dinyatakan dalam Perjanjian Baru:

4.1.1 – Israel semasa zaman Yesus



4.1.2 – Kawasan yang disebut dalam Perjanjian Baru



4.1.3 – Lautan yang disebut dalam Perjanjian Baru



4.1.4 - Pulau-pulau penting dalam Perjanjian Baru



Roma telah menakluk kebanyakan kawasan di sekitar Laut Tengah. Kesejahteraan di bawah pemerintahan Roma membolehkan para rasul untuk mengembara dan menyebarkan Injil dengan mudah.




4.2 GARIS MASA PERJANJIAN BARU

Kebanyakan sarjana dan ahli sejarah Alkitab menyatakan tarikh kelahiran Yesus pada sekitar tahun 4 SM. Ini kerana raja Herodes yang disebut dalam Injil iaitu raja Yudea pada masa kelahiran Kristus mangkat pada tahun 4 SM.

Yesus berada di bumi kira-kira 33 tahun dari masa kelahiran sehingga kebangkitan-Nya. Ini bermaksud peristiwa yang tertulis dalam buku-buku Injil dianggarkan berlaku pada sekitar tahun 4 SM sehingga 29-30 M.

Setelah Yesus diangkat ke syurga, sejarah gereja awal diteruskan dengan Kisah Para Rasul. Buku terakhir dalam Perjanjian Baru iaitu Wahyu, ditulis oleh rasul Yohanes yang telah dibuang ke penjara koloni di sebuah pulau yang bernama Patmos sekitar tahun 90-95 M. Oleh itu, jangka masa Perjanjian Baru ialah sekitar 100 tahun.

Perjalanan misi rasul Paulus bermula sekitar tahun 47 M dan berakhir dengan penahanannya dalam rumah di Rom, kemudian dia dihukum bunuh oleh Maharaja Nero sekitar tahun 64-67 M. Banyak surat Paulus ditulis dalam tempoh waktu ini. Surat-surat Paulus membentuk kira-kira satu suku keseluruhan perkataan yang terdapat dalam Perjanjian Baru.



Sumber: deeperChristian

GARIS MASA RASUL PAULUS

TAHUN (M)	PERISTIWA PENTING	KISAH PARA RASUL	TEMPOH	SURAT
34	Menjadi Kristian, Damsyik, Arab	9	3 tahun – Arab	
37	Yerusalem, Tarsus, Siria, Silisia			
46-47	Antiokhia, Yerusalem	11	1 tahun – Antiokhia	
48-49	Perjalanan misi pertama dan Antiokhia	13-14		Galatia
50	Persidangan di Yerusalem dan Antiokhia	15		
51-53	Perjalanan misi kedua	16-18	18 bulan - Korintus	1 Tesalonika 2 Tesalonika
54-57	Perjalanan misi ketiga	19-21	3 tahun – Efesus	1 Korintus, 2 Korintus, Roma
57	Paulus ditangkap di Yerusalem	22-23		
57-59	Orang Tahanan Kaisarea	24-26	2 tahun	
59-60	Perjalanan ke Roma	27-28		
s. 60-67	Ditahan dalam rumah di Roma *Nota: Ahli sarjana percaya bahawa penahanan Paulus dalam rumah, kemudian dibebaskan dan ditangkap semula lalu dihukum bunuh berlaku dalam tempoh masa ini.	28	6 hingga 7 tahun	Efesus, Kolose, Filemon, Filipi, 1 Timotius, Titus, 2 Timotius

Sumber: conformingToJesus.com

4.3 BUKU-BUKU DALAM PERJANJIAN BARU

Terdapat 27 buah buku dalam Perjanjian Baru yang dibahagikan kepada 4 kategori atau genre.

BIOGRAFI	SEJARAH
Matius	Kisah Para Rasul
Markus	
Lukas	
Yohanes	

1. Biografi/Sejarah/Injil – Buku –buku tersebut ialah Matius, Markus, Lukas dan Yohanes.

2. Sejarah – Kisah Para Rasul

3. Surat-surat – ditulis oleh rasul kepada gereja awal. Surat-surat ini disalin kemudian dibacakan ke seluruh wilayah. Lamakelamaan, wibawa surat-surat ini diiktiraf dan digunakan untuk mengajar doktrin. 13 dari surat-surat itu ditulis oleh rasul Paulus dan 8 lagi oleh rasul yang lain.

4. Nubuatan – Buku Wahyu – satu-satunya buku dalam kategori ini dan juga merupakan buku terakhir dalam Alkitab. Ia ditulis oleh Rasul Yohanes.

SURAT-SURAT	NUBUATAN
Roma	Titus
1 Korintus	Filemon
2 Korintus	Ibrani
Galatia	Yakobus
Efesus	1 Petrus
Filipi	2 Petrus
Kolose	1 Yohanes
1 Tesalonika	2 Yohanes
Roma	Titus
1 Korintus	Filemon
2 Korintus	Ibrani

4.4 BAGAIMANA 27 BUKU DALAM PERJANJIAN BARU DIPILIH?


27 buku dalam Perjanjian Baru dipilih dalam satu tempoh masa berdasarkan beberapa kriteria seperti yang berikut:

I. Buku-buku dalam Perjanjian Baru ditulis oleh seorang rasul atau seseorang yang rapat dengan mereka. Rasul tersebut mesti

pernah melihat Yesus, menyaksikan kehidupan dan kebangkitan Yesus atau mereka yang pernah menerima perintah dari Yesus.

2. Isi kandungan buku harus konsisten dengan Perjanjian Lama serta ajaran para rasul.

3. Buku tersebut harus diterima oleh gereja pada waktu penulisannya sehingga sekitar tahun 300 M. Ketika Kanun Perjanjian Baru ditutup pada awal abad ke-4 M, terdapat beriburu gereja yang tersebar serata tempat di tiga benua.




Paulus sedang menulis surat-suratnya, lukisan oleh Valentin de Boulgne s. 1620. Sumber gambar: Wikimedia Commons

Kanun merupakan satu senarai. Dalam hal ini, Kanun bererti senarai rasmi buku-buku yang dipercayai berwibawa dan diilhamkan oleh Tuhan.

4.5 SIAPAKAH PERIBADI-PERIBADI UTAMA YANG DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN BARU?

Peribadi yang paling penting dalam Perjanjian Baru ialah Yesus dari Nazaret, dijelaskan dalam Alkitab sebagai Imanuel atau Tuhan yang menjadi seorang manusia. Dia merupakan Anak Tuhan dan juga anak lelaki Maria. Yesus ialah peribadi utama bukan sahaja dalam Perjanjian Baru tetapi dalam seluruh Alkitab.

Kitab Perjanjian Lama menjanjikan kedatangan Mesias dan menghuraikan dalam bentuk nubuat apa yang akan dilakukan oleh Yesus. Kitab Perjanjian Baru menceritakan kehidupan serta pekerjaan Yesus secara lebih terperinci dan juga apa yang berlaku kepada gereja selepas itu.



Yesus Menyembuhkan
Orang Buta.
Lukisan oleh Carl
Blach s. 1871

Sumber gambar:
[Wikimedia Commons](#)

Selain daripada Yesus, terdapat ramai lagi peribadi yang memainkan peranan penting dalam kisah Injil dan Kisah Para Rasul. Beberapa peribadi penting yang lain termasuklah 12 murid Yesus yang kemudiannya menjadi rasul, kecuali Yudas Iskariot, diketuai oleh Simon Petrus. Ada juga peribadi seperti Maria dan Yusuf, ibu bapa Yesus di Bumi; Yohanes Pembaptis, Raja Herodes, Pontius Pilatus iaitu gabenor Yudea dan Saulus dari Tarsus yang kemudiannya dikenali sebagai Rasul Paulus.

5 | Alkitab diajar dalam banyak cara sepanjang zaman

Di sepanjang beberapa abad yang berlalu, Alkitab telah diajarkan dalam banyak cara. Orang Kristian menggunakan kaedah berkhotbah secara terbuka, pertemuan dalam tempat tertutup, belajar Alkitab dalam kelompok kecil, lukisan katedral yang besar, muzik, drama, seni, filem, kidung puji dan seringga ke media digital. Mari kita lihat bagaimana Alkitab diajar sepanjang zaman.




Para pelajar menggunakan media yang berlainan untuk belajar dan mempersembahkan cerita Alkitab. Sumber: Pristine World

5.1 AJARAN OLEH PARA RASUL

Pada zaman pertengahan, ramai artis yang mendapat ilham dari Alkitab lalu membuat visual yang menggambarkan kisah-kisah dari Alkitab.

Mereka menggunakan imej-imej ini untuk menyatakan dedikasi mereka dan juga membantu orang lain untuk memahami Alkitab dengan lebih baik kerana pada zaman tersebut, ramai petani yang buta huruf. Mereka tidak dapat membaca Alkitab. Oleh itu, para pengajar menggunakan imej-imej tersebut untuk membantu mereka memahami cerita Alkitab.




Lukisan oleh Rembrandt- Jamuan Belsyazar s. 1635

5.2 ALKITAB DALAM BENTUK 3 DIMENSI

Pada zaman pencerahan sekitar abad ke-15-16 M, ahli-ahli seni yang terkenal seperti Michelangelo mengukir patung yang menggambarkan kejadian dalam Alkitab.

Arca Daud oleh Michelangelo di Milan, Itali.

Sumber gambar:Wikimedia commons




5.3 ALKITAB MENJADI INSPIRASI KEPADA SENI KLASIK

Ramai ahli seni pada zaman pertengahan mendapat inspirasi untuk menyatakan visi mereka tentang kisah Alkitab dalam bentuk lukisan. Oleh kerana ramai orang yang buta huruf, seni dan ilustrasi digunakan sebagai salah satu cara untuk mengajar Alkitab.

Seni dan lukisan ini kemudiannya memberi inspirasi kepada ramai orang percaya dalam hal iman mereka. Beberapa dari pelukis yang paling terkenal pada zaman pencerahan termasuk Michelangelo, Leonardo da Vinci, Rembrandt dan Gustave Dore.


Rujukan:

- Michelangelo - <https://www.artbible.info/art/work/michelangelo-buonarroti>.
- Leonardo da Vinci – rujuk kepada <https://www.artbible.info/art/biography/leonardo-da-vinci>.
- Rembrandt – rujuk kepada <https://www.artbible.info/art/rembrandt-biblical-work.html>
- Gustave Dore – rujuk kepada <https://www.gutenberg.org/files/8710/8710-h/8710-h.htm>



Tuhan adalah Gembalaku

5.4 MENGGUNAKAN DRAMA UNTUK MENGAJAR SERTA MENGHIDUPKAN CERITA ALKITAB



Lakonan The Great Passion di Arkansas, USA.

Sumber gambar: materializing the Bible

Antara cara lain untuk memberitakan Injil dan kisah Alkitab kepada orang ramai ialah melalui pementasan teater terbuka. Para pelakon akan melakonkan adegan dari Alkitab menggunakan peralatan pentas yang minimum. Sekiranya terdapat penonton yang tidak boleh membaca, mereka tentu boleh melihat dan mendengar.


Salah satu pementasan teater terkenal yang telah diperbaharui dalam pelbagai bentuk di banyak negara ialah pementasan Great Passion di Oberammergau, Jerman. Ia dimulakan sejak tahun 1648 dan dilakukan sekali dalam setiap 10 tahun. Lakonan yang serupa sepertinya dimainkan di banyak tempat di seluruh dunia.

Rujukan: <https://www.materializingthebible.com/live-biblical-theatre.html>

Lihat: <https://www.youtube.com/watch?v=kA1asVO4eIU>

5.5 ALKITAB DALAM KACA BERWARNA

Banyak katedral yang dibina pada abad 11 sehingga 20 dihiasi dengan seni kaca berwarna indah yang menceritakan kisah-kisah dalam Alkitab.



Dinding utama di belakang mazbah mempunyai banyak panel seni kaca berwarna yang memberitahu kisah Alkitab dari Kejadian sehingga Wahyu. Gambar oleh: Penulis

Hal ini juga dilakukan supaya rakyat biasa yang buta huruf boleh melihat cerita Alkitab pada dinding yang disinari oleh cahaya matahari dari belakang.



Katedral Milan. Katedral dibina untuk menginspirasi orang ramai supaya menyembah Tuhan. Di dalam katedral ini, terdapat kaca berwarna yang menggambarkan kisah Alkitab seperti yang tertera di atas. Gambar oleh: Penulis

5.6 ALKITAB DALAM MUZIK DAN NYANYIAN


Salah satu cara penting dalam pengajaran doktrin dan Kitab Suci kepada orang biasa ialah melalui lagu dan pujian.

Di dalam Alkitab, kita melihat ramai tokoh menulis lagu atau menyertai puji-pujian sebagai salah satu cara untuk menyembah. Lirik lagu yang dinyanyikan menceritakan perasaan mereka terhadap Tuhan. Ketika mereka gembira atau bersedih, rasa bersalah atau dimuliakan, semua emosi ini dapat dilihat dalam banyak Mazmur dalam Alkitab. Oleh itu, orang Krsitian dari dahulu lagi menggunakan lagu untuk memberi inspirasi, galakkan dan mengajar tentang Alkitab.



Daud sedang bermain kecapi.
Lukisan oleh Jan de Bray s. 1670
Sumber: Domain Awam

5.6.1 Charles Wesley



Charles Wesley
Sumber gambar:Wikimedia Commons

Apabila John Wesley memulakan gerakan Metodis sekitar abad ke-18 M di England, adiknya Charles menyediakan kebanyakan muzik dan lagu-lagu atau pujian yang dinyanyikan oleh pengikut mereka.

Charles Wesley yang hidup dari tahun 1707 sehingga tahun 1788 telah mengubah lebih seribu buah lagu. Hari ini, lebih dari 150 lagu-lagu tersebut masih ada di dalam buku-buku pujian Metodis yang dinyanyikan dalam gereja-gereja. Lagu-lagu yang digubahnya sangat terkenal dan ia mengajar ajaran Alkitab yang penting.

Salah satu contoh lagunya ialah sebuah lagu Krismas yang bertajuk Hark the Herald (Dengar Malaikat Nyanyi) yang

digubahnya lebih dari 220 tahun dahulu. Lirik lagu tersebut mengajar kita tentang mesej Injil yang sebenar: Kristus datang untuk mati bagi dosa kita, supaya kita boleh lahir semula. Cerita ini boleh dilihat dalam Injil Yohanes bab 3.

Hark! The Herald Angels Sing

Charles Wesley

William H. Cummings

The musical score consists of four staves of music in common time, with a key signature of one flat. The lyrics are integrated into the music, appearing below the notes. The score is divided into four sections by measure numbers 1, 6, 11, and 16.

1

I Hark! the her - ald an - gels sing, "Glo - ry to the new - born King; peace on earth, and
2 Christ, by high - est heav'n a - dored, Christ, the ev - er - las - ting Lord, late in time be -
3 Hail the heav'n-born Prince of Peace! Hail the Sun of Right-eous-ness! Light and life to

6

mer - cy mild, God and sin - ners re - con - ciled!" Joy - ful, all ye na - tions, rise,
hold him come, off - spring of the Vir - gin's womb: veiled in flesh the God-head see;
all he brings, ris'n with heal - ing in his wings. Mild He lays his glo - ry by,

11

join the tri - umph of the skies; with th'an - ge - lic host pro - claim, "Christ is ... born in
hail th'in - car - nate De - i - ty, pleased as man with us to dwell, Je - sus, our Im -
born that we no more may die, born to raise us from the earth, born to give us

16


Beth - le - hem!" Hark! the her - ald an - gels sing, "Glo - ry to the new - born King."
ma - nu - el.
sec - ond birth.

12/27/2015

Anda boleh mendengar contoh gubahan moden lagu Hark The Herald dari Dublin dalam internet: <https://www.youtube.com/watch?v=Xw38pGhPXIk>

5.6.2 John Newton

John Newton merupakan seorang lagi penggubah lagu yang terkenal. Pada awal hidupnya, dia merupakan seorang pedagang hamba abdi. Akan tetapi setelah dia menganut agama Kristian, dia meninggalkan pekerjaan lamanya lalu menjadi seorang pastor. Dia menggalakkan William Wilberforce dan penggubal undang-undang lain di England sehingga wujudnya undang-undang yang mengharamkan pemerdagangan manusia. John Newton menulis lagu Amazing Grace (Sungguh Besar Anugerah) yang mencerminkan perjalanan hidupnya dari seorang pedagang hamba kepada seorang pastor.



*John Newton oleh William Ridley s. 1788.
Sumber gambar:Wikimedia Commons*

Untuk mendengar nyanyian Amazing Grace yang disampaikan oleh III Divo, tekan di sini.

<https://www.youtube.com/watch?v=GYMLMj-SibU>

5.6.3 Fanny Crosby

Fanny Crosby menjadi buta tidak setelah dia lahir. Dia menulis lebih dari 8,000 buah pujian dan lagu injil serta mencetak lebih dari 100 juta salinan.



https://www.youtube.com/watch?v=Jfu_PQjQII8

*Fanny Crosby
Sumber gambar:Wikimedia Commons*

5.7 ALKITAB DALAM FILEM

Banyak cerita-cerita Alkitab telah dijadikan filem. Seawal tahun 1903, ramai pembuat filem dari Eropah dan Hollywood telah menghidupkan cerita Alkitab melalui filem.

Sepuluh Perintah Tuhan s. 1956

Sumber:Wikimedia Commons



Salah seorang daripada pembuat filem terkenal ialah Cecil B. DeMille. Beliau telah membuat filem tentang Sepuluh Perintah Tuhan (The Ten Commandments) serta Samson dan Delila (Samson and Delilah).

Antara filem cerita Alkitab yang terkenal termasuklah King of Kings, Jesus of Nazareth, The Greatest Story Ever Told dan The Bible. Ada antara filem-filem ini yang benar-benar mengikut cerita yang terjadi dalam Alkitab.



Filem The Bible yang diterbitkan oleh Dino De Laurentiis s. 1966 merupakan filem berbajet tinggi di mana ia menceritakan kisah Kejadian dari Adam sehingga Abraham.

Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons

Baru-baru ini, beberapa organisasi Kristian telah menaja filem-filem yang benar-benar mengikut cerita dan ajaran-ajaran dalam Alkitab. Filem-filem tersebut kemudiannya dijadikan sebagai bahan mengajar untuk kelas Alkitab dan juga sebagai hiburan keluarga.



Filem di atas merupakan produksi ‘perkataan-demi-perkataan’ berdasarkan buku Kisah Para Rasul dan Injil Yohanes.

Sumber: IMDb

Filem The Gospel of John merupakan sebuah filem yang berdasarkan Injil Yohanes, dan sepenuhnya mengikut ‘perkataan-demi-perkataan’ dalam buku tersebut. Ia diambil dari Alkitab versi Good News Bible. Tekan di sini untuk menonton filem ini di Youtube:

https://www.youtube.com/watch?v=IchB_CEg5VI

Ada juga filem-filem yang lain menokok-tambah cerita supaya ia menjadi lebih menarik perhatian orang ramai dan mendapat keuntungan besar dalam industri perfilman. Terdapat filem seperti ini yang menjadi kontroversi seperti Jesus Christ Superstar.

Beberapa pementasan produksi Kristian telah menggunakan teknologi moden untuk menghasilkan pementasan muzikal yang berkualiti tinggi untuk menghiburkan serta mengajar tentang cerita Alkitab.

Salah satu contoh yang baik ialah produksi oleh Light and Sound Theatres iaitu Jesus.



Rujukan: https://en.wikipedia.org/wiki/The_Bible_in_film

Bagaimanakah Alkitab boleh dimiliki oleh orang-orang biasa?

Ketika agama Kristian semakin tersebar, orang ramai dari pelbagai kumpulan etnik dan bahasa menerima ajaran-ajaran Alkitab. Agama Kristian berkembang maju dalam banyak negara di Eropah, Asia dan Afrika. Sejak sekian lama, Alkitab Perjanjian Lama yang lengkap hanya ada dalam Bahasa Ibrani manakala Perjanjian Baru dalam Bahasa Greek.

Sumber gambar: <https://www.bibleinmylanguage.com/bibles/european-bibles/?sort=featured&page=4>

6.1 ST JEROME

Pada abad ke-5 M, St. Jerome telah menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Latin untuk Gereja Roman. Versi Alkitab ini dikenali sebagai Vulgate. Versi ini menjadi terjemahan rasmi bagi seluruh Alkitab.

Bahasa Latin merupakan Bahasa utama Empayar Roma selama beberapa abad. Oleh itu, Alkitab hanya boleh diterjemah dalam Bahasa Latin sahaja. Ini bermakna hanya golongan paderi yang dilatih dalam Bahasa Latin sahaja boleh membaca dan mengajar Alkitab kerana kebanyakan orang tidak mampu membaca Latin.




St Jerome di pejabatnya.

Lukisan oleh Antonello da Messina s. 1475.

Sumber gambar:Wikimedia Commons

6.2 JOHN WYCLIFFE-BERMULANYA PERJUANGAN ALKITAB DALAM BAHASA INGGERIS

Menjelang abad ke-14 M, gereja telah menjadi kaya, berkuasa dan tidak lagi murni. Mereka menyalah-gunakan kuasa untuk menindas orang ramai tanpa mengikut apa sebenarnya yang dikatakan oleh Firman Tuhan. Alkitab hanya boleh dicetak dalam Bahasa Latin. Sesiapa yang menterjemah Alkitab dalam Bahasa umum berisiko untuk dihukum berat oleh pihak berkuasa. Beberapa sarjana yang berhati mulia percaya bahawa satu-satunya cara untuk menghentikan kezaliman para pemimpin gereja dan pemerintah ini adalah dengan memberikan orang ramai Alkitab dalam bahasa mereka sendiri. Dengan itu bermulanya perjuangan untuk membolehkan Alkitab boleh diakses oleh orang biasa.



*John Newton oleh Willian Ridley s. 1788.
Sumber gambar:Wikimedia Commons*

Pada tahun 1382, John Wycliffe menterjemah Alkitab dalam Bahasa Inggeris supaya orang biasa yang bukan golongan pemimpin gereja boleh membaca Alkitab. Alkitab ini kemudiannya dibakar dan diharamkan. Empat puluh tahun selepas kematiannya, tulang John Wycliffe digali semula lalu dibakar kerana dituduh menyesatkan agama. Walaupun begitu, legasinya diteruskan melalui pengikutnya yang dipanggil sebagai ‘Lollards’.

Ada orang yang mengatakan bahawa ‘Lollards’ menjadi pelopor gerakan reformasi. Setelah seratus dan lima puluh tahun kemudian, seorang lagi orang Inggeris yang bijak bernama William Tyndale akan membawa obor dan meneruskan kerja terjemahan Alkitab kepada Bahasa Inggeris seharian.



*John Newton oleh Willian Ridley s. 1788.
Sumber gambar:Wikimedia Commons*


6.3 JOHANNES GUTENBERG

Sehingga awal abad ke-15, harga buku sangat mahal kerana ia disalin menggunakan tangan.

Orang biasa tidak mampu untuk membeli buku. Untuk buku seperti Alkitab, juru tulis mengambil masa selama berbulan-bulan untuk menghasilkan satu salinan.

Bagaimana orang biasa boleh memiliki Alkitab mereka sendiri? Pertama sekali, mereka perlu menghasilkan jumlah Alkitab yang banyak dengan harga yang lebih rendah. Di sini bermulanya cerita Johannes Gutenberg.

Johannes Gutenberg merupakan tukang perak, penerbit dan pencipta yang lahir pada tahun 1400 dan meninggal pada tahun 1468. Pada tahun 1439, Gutenberg menjadi orang Eropah pertama yang menggunakan pencetak besi mudah-alih untuk mencetak buku.




Johannes Gutenberg s. 1400

Sumber: Domain Awam

Hal ini menjadi revolusi serta mempercepatkan penghasilan buku. Berbanding dengan hanya satu salinan buku yang memakan masa selama berbulan-bulan untuk dihasilkan, kini ia hanya memerlukan beberapa hari untuk menghasilkan berpuluhan-puluhan buku.

Kos buku juga dikurangkan dan membolehkan orang biasa untuk memiliki buku. Kini bukan hanya golongan bangsawan dan kenamaan yang mampu memilikinya.



Gutenberg dan pencetaknya.

6.4 ALKITAB GUTENBERG



Alkitab Gutenberg s. 1455.

Sumber:Wikimedia Commons



Pada tahun 1455, Alkitab Vulgate Latin pertama telah dicetak menggunakan mesin cetak Gutenberg. Alkitab kini boleh dicetak dalam kuantiti yang besar dan boleh didapati dengan harga yang rendah.

Ini bermakna orang biasa juga mampu untuk memiliki Alkitab. Tetapi mereka masih tidak faham kandungannya kerana semua Alkitab pada masa ini hanya ditulis dalam bahasa Latin atau Ibrani dan Greek.




6.5 ALKITAB DALAM BAHASA UMUM

Masalah seterusnya yang perlu diatasi ialah bagaimana orang biasa boleh membaca dan memahami Alkitab. Pemimpin tertinggi gereja telah menetapkan bahawa hanya Alkitab Bahasa Latin yang boleh dicetak. Kebanyakan orang biasa tidak boleh membaca dalam Bahasa Latin, bahkan ramai golongan paderi pun mengalami masalah yang sama!

Apa yang terjadi seterusnya merupakan kisah bagaimana beberapa orang berani menentang pihak pemerintah supaya membenarkan Alkitab diterjemahkan dalam bahasa percakapan umum. Ada dalam kalangan mereka yang mati kerana perjuangan ini.

6.6 ERASMUS

Pada tahun 1516, Erasmus yang berada di Holland telah menerbitkan edisi Greek yang baru dan terjemahan Perjanjian Baru dalam Bahasa Latin yang lebih tepat. Tujuannya ialah supaya semua orang boleh membaca Alkitab. Walau bagaimana pun, dia berhenti menentang gereja dan menterjemahkan Alkitab kepada bahasa umum. Alkitab Perjanjian Baru dalam Bahasa Greek Erasmus menjadi asas kepada teks yang digunakan oleh Martin Luther, William Tyndale dan penterjemah versi King James kemudiannya.



*Lukisan Eramus oleh Hans Holbein s. 1525 di Muzium Lourve.
Sumber:Wikimedia Commons*

6.7 MARTIN LUTHER

Manakala di Jerman pada tahun 1517, Martin Luther mengeluarkan 95 tesis di rumahnya di Wittenberg, di mana dia bersedia untuk berdebat dengan gereja Roman. Ini menjadi permulaan bagi proses yang akhirnya menjadi gerakan Protestant. Pada zaman ini, semakin ramai orang yang ingin membaca Alkitab dalam bahasa ibunda mereka.




*Lukisan Martin Luther menampal 95 tesisnya oleh Ferdinand Pauwels s. 1872
Sumber gambar: Wikimedia Commons*

6.8 ALKITAB DALAM BAHASA JERMAN

Gereja Roman ingin menangkap Martin Luther akan tetapi dia dilindungi oleh seorang putera Jerman yang bernama Putera Philip. Oleh kerana situasi politik yang luar biasa, Luther berjaya mengekalkan kebebasannya dan meneruskan pekerjaannya. Dia menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Jerman. Ini membolehkan Alkitab senang didapati oleh orang biasa di Jerman. Semakin banyak wilayah-wilayah Jerman yang memutuskan hubungan dengan Gereja Roman. Gerakan ini tersebar sehingga ke tempat lain di Eropah. Akhirnya, orang-orang yang menentang Gereja Roman ini digelar sebagai Protestant.

6.9 WILLIAM TYNDALE – PERJUANGAN UNTUK MENTERJEMAH ALKITAB DALAM BAHASA INGGERIS DITERUSKAN

Di England, pada tahun 1523, seorang sarjana bijak dari Oxford meminta keizinan dari gereja untuk menterjemah Perjanjian Baru dalam Bahasa Inggeris umum pada ketika itu. Akan tetapi, dia tidak mendapat kelulusan untuk menerbitkannya di England pada masa itu. Dia pernah berkata kepada pemimpin gereja “Jika Tuhan masih mengizinkan saya hidup, saya akan mengajar budak pembajak supaya dia lebih tahu tentang Kitab Suci berbanding kamu!”



Pada tahun 1524, Tyndale berhijrah ke Jerman di mana dia meneruskan kerja-kerja terjemahannya. Dia meluangkan masa hampir setahun dengan Martin Luther yang mendorongnya untuk terus berusaha menterjemah Alkitab dalam Bahasa Inggeris. Pada tahun 1525 dia mencetak Perjanjian Baru dalam Bahasa Inggeris dan menyeludupnya ke England di dalam karung jagung dan tepung.




William Tyndale dari Foxes book of Martyrs
Sumber gambar:
Wikimedia Commons

Pada masa itu, Lutheran Jerman mendominasi perdagangan di Eropah. Mereka dengan rela hati membantu Tyndale untuk menyeludup Alkitab. Kini Tyndale menjadi orang yang dikehendaki. Dia sentiasa berpindah-randah seperti pelarian, sentiasa menyamar dan bekerja dengan ‘golongan rahsia’ yang menyokong Protestant. Dia meneruskan kerja terjemahannya

dan pada tahun 1534, dia menerbitkan sebahagian daripada Perjanjian Lama sementara menyemak semula dan memperbaiki terjemahan Perjanjian Barunya.

Malangnya, dia dikhianati oleh seorang perisik Inggeris dan ditangkap di Antwerp oleh pihak berkuasa diraja pada tahun 1535. Di dipenjarakan di istana Vilvoorde berdekatan Brussels. Di situ, dia dihadapkan ke muka pengadilan lalu dibakar di atas pancang kerana dituduh menyesatkan agama pada tahun 1536. Kata-kata terakhirnya ialah, "Tuhan, bukalah mata Raja England".

Legasi Tyndale sangat menakjubkan. Dalam prosesnya menterjemah Alkitab kepada Bahasa Inggeris, Tyndale telah membuat sumbangan besar dalam pengembangan Bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas sehingga hari ini. Carilah William Tyndale di Google supaya anda dapat membaca pencapaian serta legasinya.



*Kitab Perjanjian Baru Tyndale Edisi 1526
Perhatikan gaya bahasa Inggeris ketika itu.*

*Tyndale dijerut dan dibakar di atas pancang s. 1536
Sumber gambar:Wikimedia Commons*

Sumber: dari Muzium Sejarah Pristine World

6.10 PERJALANAN DARI ALKITAB ORANG YANG BERKORBAN NYAWA DEMI AGAMA KEPADA ALKITAB RAJA

Walaupun Tyndale sudah meninggal dunia, dua orang muridnya, Miles Coverdale dan John Rogers akan meneruskan pekerjaan itu dengan semangat yang berkobar-kobar.


Doa Tyndale kepada Tuhan untuk membuka mata raja England akan dijawab tidak lama lagi.

Antara 1535 dan 1611, terdapat empat Alkitab Versi Bahasa Inggeris yang penting telah dicetak. Menterjemah Alkitab kepada Bahasa Inggeris masih lagi satu pekerjaan yang berbahaya. Para sarjana yang melakukan kerja-kerja terjemahan melakukannya kerana mereka benar-benar ingin melihat orang biasa dapat membaca Firman Tuhan dalam bahasa mereka sendiri.

Sekiranya mereka boleh membaca Alkitab, mereka boleh mempersoalkan orang-orang berkuasa di gereja. Oleh itu, masih terdapat tentangan dari pihak atasan gereja.



William Tyndale dalam kaca berwarna.




Injil Yohanes dalam Perjanjian Baru Tyndale.

Sumber gambar:Wikimedia commons

6.10.1 Alkitab Coverdale (The Coverdale Bible) 1535

Alkitab Coverdale diterjemah oleh Miles Coverdale pada tahun 1535. Ia merupakan Alkitab lengkap pertama yang dicetak dalam Bahasa Inggeris. Coverdale menggunakan kitab Perjanjian Baru terjemahan Tyndale dengan hanya sedikit perubahan dan juga melengkapkan terjemahan kitab Perjanjian Lama yang ditinggalkan oleh Tyndale.

Muka hadapan Alkitab Coverdale s. 1535
Sumber gambar:Wikimedia Commons




6.10.2 Alkitab Matius (The Matthew's Bible) 1537

Alkitab ini diterjemahkan oleh John Rogers. Beliau menggunakan nama samaran Thomas Matthew sebagai penterjemah. Walaupun ia merupakan Alkitab pertama yang diterbitkan dengan izin raja, kerja-kerja menterjemah masih dianggap sebagai pekerjaan yang bahaya.

Raja boleh berubah fikiran atau pemerintah mungkin berubah di mana mereka mungkin tidak menyokong terjemahan tersebut. Ia dicetak setahun selepas pembunuhan Tyndale, jadi doa Tyndale di ambang kematian telah dijawab.

Produksi semula Alkitab Matius


Sumber: Muzium Sejarah Pristine World



6.10.3 Alkitab Agung (The Great Bible) 1539

Alkitab Agung dicetak dengan perintah dari Thomas Cranmer, seorang uskup agung dari Canterbury yang memimpin Gereja Anglikan di bawah Raja Henry ke-8. Alkitab itu dipanggil Agung (The Great) kerana saiznya yang besar dan ia dirantai pada tiang gereja untuk mengelaknya dari dicuri.

Kedua-dua Thomas Cranmer dan John Rogers dibakar di atas pancang apabila Ratu Mary, juga dikenali sebagai ‘Mary berdarah’ (bloody Mary), menaiki takhta dan mengharamkan Alkitab terjemahan Bahasa Inggeris.




Alkitab Agung dipamerkan di Katedral St Andrew di Sydney. Alkitab ini dicetak pada tahun 1539 dan didermakan kepada kariah Sydney pada tahun 1953 sebagai tanda penghargaan kepada sumbangan mereka sewaktu masa yang sukar. Gambar disumbangkan oleh C. S Chai.

6.10.4 Alkitab Geneva (The Geneva Bible) 1560

Ramai sarjana Inggeris Protestant melarikan diri ke Geneva, Switzerland pada waktu pemerintahan Ratu Mary dan pada tahun 1560 mereka menerbitkan Alkitab Geneva. Ia merupakan Alkitab Agung yang telah ditambahbaik dengan Perjanjian Lama yang diterjemah dari Bahasa Ibrani.

Alkitab Geneva merupakan sebuah Alkitab Pembelajaran yang disertai dengan nota-nota ulasan dari sarjana Protestant yang terkenal seperti John Calvin, John Knox, dan Whittingham. Ia merupakan Alkitab yang dirujuk dan digunakan oleh William Shakespeare dan juga Alkitab yang dibawa oleh penghijrah ke Amerika pada tahun 1620.




Alkitab Geneva s. 1560
Dengan izin GFDL melalui Wikimedia Commons

6.11 ALKITAB RHEIMS-DOUAI 1609

Ketika gerakan Protestant sedang berlaku, penganut Katolik Inggeris mahu memiliki Alkitab yang boleh dibaca dalam bahasa mereka sendiri.


Gereja Katolik telah menterjemah Alkitab kepada Bahasa Inggeris berpandukan Vulgate iaitu Alkitab rasmi mereka dalam Bahasa Latin. Alkitab yang lengkap akhirnya dicetak pada tahun 1609. Ia dipanggil sebagai Alkitab Rheims-Douai. Ia diterjemah kepada Bahasa Inggeris oleh para sarjana Katolik yang berpusat di England dan Perancis. Ia menjadi terjemahan standard bagi gereja Katolik selama bertahun-tahun.



Alkitab Rheims-Douai Sumber: Domain Awam

6.12 VERSI KING JAMES JUGA DIKENALI SEBAGAI VERSI RASMI

Apabila Raja James I (King James I) menaiki takhta England, baginda memerintahkan 54 orang sarjana untuk menterjemah Alkitab ke Bahasa Inggeris. Pada tahun 1611, Alkitab versi King James siap dicetak. ia juga dikenali sebagai Versi Rasmi walaupun Raja James tidak pernah memberikan pengesahan diraja kepada Alkitab yang lengkap tersebut. ia ditambah baik beberapa kali dan kebanyakan versi yang digunakan pada hari ini ditambah baik pada tahun 1769. ia merupakan Alkitab yang paling terkenal selama lebih dari 300 tahun.




Muka hadapan Alkitab
King James s. 1611
Sumber gambar:
Wikimedia Commons

6.13 KADEAH TERJEMAHAN ALKITAB

6.13.1 Kaedah Terjemahan Formal

Sejak dari itu, terdapat banyak lagi terjemahan Alkitab yang telah diterbitkan. Ada terjemahan yang menggunakan terjemahan secara langsung dari Bahasa Ibrani dan Greek. ia dipanggil sebagai Kaedah Terjemahan Formal atau terjemahan perkataan demi perkataan. Contoh Alkitab yang menggunakan cara ini ialah King James Version, The Revised Standard Version dan The New American Standard Version.




Sumber gambar:Wikimedia Commons dan America Bible Society

6.13.2 Persamaan Dinamik

Terjemahan yang lain cuba untuk mentafsir dan menterjemah maksud sebenar mesej ke dalam bahasa percakapan Inggeris moden. Kaedah terjemahan ini dipanggil sebagai Dinamik atau Pemikiran–demi-pemikiran.

Jenis-jenis Terjemahan Alkitab



NASB - New American Standard Bible

AMP - Amplified Bible

ESV - English Standard Version

RSV - Revised Standard Version

KJV - King James Version

NKJV - New King James Version

HCSB - Holman Chirstian Version

NRSV - New Revised Standard Version

NAB - New America Bible

NJB - New Jerusalem Bible

NIV - New International Version

TNIV - Today's New International Version

NCV - New Century Version

NLT - New Living Translation

NirV - New International Reader's Version

GNT - Good News Translation (also Good New Bible)

CEV - Contemporary English Version

TLB - The Living Bible

MSG - The Message


6.13.3 Terjemahan Parafrasa

Terjemahan Parafrasa bermaksud penterjemah telah menulis semula banyak perkataan untuk mentafsir teks mengikut cara percakapan moden. Contoh terjemahan Parafrasa ialah The New Living Translation dan The Message.

Terjemahan seperti ini terkenal kerana ia mudah difahami. Walau bagaimanapun, untuk pembelajaran Alkitab yang serius, kebanyakan sarjana tidak memilih untuk menggunakan terjemahan yang menggunakan tafsiran selain dari teks asal. Sarjana Alkitab biasanya memilih untuk menggunakan Alkitab yang diterjemah secara perkataan demi perkataan supaya ia selaras dengan maksud dalam Bahasa Ibrani dan Greek.

6.13.4 Terjemahan Hibrid


Terdapat juga terjemahan yang berada di antara kaedah terjemahan formal dan dinamik. Ini termasuklah Alkitab the New International Version atau NIV.



Alkitab New International Version
Sumber gambar: Wikimedia Commons

6.14 SEJARAH TERJEMAHAN ALKITAB DALAM BAHASA INGGERIS

Rujuk kepada carta berikut untuk melihat ringkasan Sejarah Terjemahan Alkitab dalam Bahasa Inggeris. Beberapa laman sesawang disediakan di bawah yang memberikan maklumat yang lebih terperinci.



<https://evangelicalbible.com/translations/bible-translation-guide/>

<https://redeeminggod.com/best-bible-translation/>

6.15 RUMUSAN

Secara ringkasnya, kita mempunyai banyak pilihan terjemahan Alkitab dalam beberapa bahasa pada masa kini.

Tetapi kita mesti mengingat jasa ramai orang Kristian yang telah mengorbankan masa malah ada yang mati demi mewujudkan Alkitab seperti yang ada pada hari ini.

Kitab Perjanjian Lama ditulis pada kira-kira 2400 sehingga 3400 tahun dahulu. Bagaimana kita tahu sama ada teks tersebut dipelihara dengan tepat?



Batu bersurat
Kuneiform dari
Mesapotamia Purba
Alaf ke-2 SM
Sumber gambar:
Wikimedia Commons



Ahli arkeologi telah menemui banyak batu-batu bersurat dan tulisan-tulisan yang menyokong isi kandungan Alkitab.

7.1 MEMELIHARA FIRMAN - PERJANJIAN LAMA

Buku-buku dalam Perjanjian Lama direkodkan dan diletakkan dalam jagaan para jurutulis. Jurutulis Ibrani merupakan pekerja istimewa dan dilakukan oleh keluarga yang bertindak seperti persatuan khusus untuk merekodkan



Skrol purba di atas kertas papirus.

Kitab Suci. Mereka sangat mahir dalam perkerjaan ini. Mereka dilatih sejak kecil dan mungkin menghabiskan seluruh hidup mereka memelihara Kitab Suci menggunakan kaedah yang sangat teliti. Alkitab juga menyebut tentang ‘Kaum jurutulis yang tinggal di Yabez yang merekodkan teks suci’ dalam I Tawarikh bab 2 ayat 55.


Jurutulis dalam Bahasa Ibrani ialah sofer. Maksud asal perkataan ini ialah ‘untuk mengira’. Jurutulis sememangnya pengira yang sangat cermat, memastikan setiap huruf dan perkataan sama dengan teks asal. Mereka menggunakan peraturan-peraturan



yang sangat ketat untuk kerja-kerja menulis dan menyalin. Contohnya, jurutulis Masoretik Yahudi yang menyalin Alkitab dengan tangan bekerja di bawah peraturan berikut untuk memastikan standard ketepatan yang paling tinggi.

Seorang sofer, jurutulis Yahudi. Sumber gambar: Wikimedia Commons

7.2 BEBERAPA CONTOH PERATURAN:



Jurutulis Yahudi membuat salinan buku Torah iaitu lima buku pertama dalam Perjanjian Lama. Sumber gambar: Wikimedia Commons

- Tidak membenarkan menulis walau satu perkataan mahupun huruf melalui ingatan. Jurutulis harus menyebut perkataan tersebut dengan kuat.
- Sebelum menulis nama suci Tuhan, jurutulis harus mengelap penna terlebih dahulu.
- Seluruh skrol akan dibuang jika terdapat kesalahan ejaan.
- Selepas menyalin, setiap huruf dan perkataan akan dikira untuk membuktikan ketepatan dan juga memastikan salinan baru tersebut sama dengan salinan asal.
- Sebelum membaca kerja yang harus disalin, seorang jurutulis akan membersihkan diri sendiri terlebih dahulu untuk mengingatkan mereka betapa suci dan pentingnya tugas mereka itu.

7.3 PERBANDINGAN DENGAN KETEPATAN ALIRAN DIGITAL

Kaedah yang digunakan oleh jurutulis boleh dibandingkan dengan cara rangkaian moden mengalirkan data seperti teks, suara atau imej. Dalam aliran internet seperti mereka yang menggunakan internet, satu aliran data dipisahkan kepada beberapa pakej. Sebelum setiap pakej dihantar, satu data kontrol akan dihantar untuk memaklumkan komputer penerima berapa banyak data yang akan datang contohnya satu kiraan. Setelah

data siap dihantar, satu data kontrol akhir akan dihantar untuk memaklumkan ia pakej terakhir dan berapa banyak data yang telah dihantar. Ia sepatutnya sama dengan data kontrol pada mulanya. Komputer penerima juga akan mengira data yang telah diterima untuk memastikan ianya sama dengan data kontrol. Sekiranya terdapat perbezaan, komputer penerima akan memaklumkan komputer penghantar untuk menghantarnya semula. Semua proses ini berlaku dalam beberapa saat sahaja dan tidak dilihat oleh pengguna melainkan terjadinya kerosakan pada computer atau rangkaian.

Jurutulis Yahudi mengenakan peraturan yang sangat ketat dalam proses salinan sehingga ia boleh mengekalkan ketepatan teks salinan. Beberapa peraturan turut dilihat dalam proses salinan elektronik moden.

Proses Penyalinan Alkitab



Proses penyalinan Alkitab pada zaman dahulu

- Jurutulis Ibrani Masoretik professional – (500-1000 SM) dokumen asal masih wujud.
- Jurutulis Masoretik menerapkan teknik yang sangat teliti dan moden dalam proses penyalinan dan boleh dibandingkan dengan rangkaian data moden.

Ringkasan Poket data moden



Ringkasan Proses Penyalinan Masoretik



Sumber: Pristine World

7.4 SKROL LAUT MATI


Sebelum penemuan Skrol Laut Mati, teks Perjanjian Lama tertua yang ada bertarikh sekitar tahun 900 M. Apabila Skrol Laut Mati ditemui pada tahun 1947, para sarjana Alkitab kini mempunyai naskah yang sama dengan Perjanjian Lama, tetapi kini bertarikh kira-kira 100-200 SM. Perbezaannya hampir seribu tahun.



*Replika Skrol Laut Mati yang disimpan dalam balang tanah liat dalam gua di Qumran, Israel.
Gambar oleh: PENULIS*



*Gua Qumran tempat Skrol Laut Mati ditemui.
Sumber gambar: Wikimedia Commons*



*Naskah Yesaya Agung dari Skrol Laut Mati.
Sumber gambar: Wikimedia Commons*

7.5 SKROL YESAYA AGUNG

Apabila keseluruhan skrol Yesaya dibandingkan kepada Yesaya pada tahun 900 M, tiada perbezaan yang dilihat pada maksud teks. Terdapat beberapa perbezaan ejaan kerana cara ejaan telah berubah mengikut abad.

<https://www.youtube.com/watch?v=MkQXgSuFrzU>

7.6 MEMELIHARA FIRMAN – PERJANJIAN BARU

Kitab Perjanjian Baru merupakan koleksi beberapa buku yang ditulis di sekitar 45-100 M. Alkitab disalin di atas skrol papirus atau seterusnya di atas kertas papirus dan diikat menjadi bentuk buku yang dipanggil Kodeks.

Salinan Perjanjian Baru paling tua yang ada pada hari ini ialah dari Yohanes 18. la disalin dalam bahasa Greek di atas sebuah Kodeks papirus sekitar 110-130 M.

Kitab Perjanjian Baru lengkap yang tertua ialah Kodeks Siniaticus, ditemui di dalam makam St Catherine di kaki Gunung Sinai.



Salinan lengkap kitab Perjanjian Baru yang tertua ialah Kodeks Siniaticus s. 330 M. Kini, kodeks ini berada di Perpustakaan British di London.

Sumber gambar:Wikimedia Commons

7.7 BANYAK KOLEKSI MANUSKRIP PURBA YANG SEPADAN DENGAN PERJANJIAN BARU PADA HARI INI

Kitab Perjanjian Baru ditulis pada kira-kira 2,000 tahun dahulu. Salinan asal di atas kertas papirus mungkin sudah rosak kerana reput dimakan masa. Walau bagaimanapun, terdapat banyak salinan bertarikh sekitar tahun 250 M yang berpadanan dengan apa yang kita lihat dalam Alkitab pada hari ini.

Lebih dari 5000 salinan purba kitab Perjanjian baru telah ditemui di beberapa benua yang berlainan. Ia membawa mesej yang sama dengan hanya sedikit perbezaan.

Kita boleh berasa yakin bahawa kitab Perjanjian Baru yang kita ada sekarang merupakan gambaran yang tepat dan setia kepada tulisan asal. Lihat carta yang berikut tentang perbandingan antara karya tulisan purba dan saksikan betapa banyak dokumen yang menyokong Perjanjian Baru berbanding dengan dokumen bersejarah yang kita anggap sebagai sejarah sahih.

Penulis	Tajuk	Tarikh Ditulis	Salinan paling awal	Jarak waktu antara tulisan asal dan salinan	# bilangan salinan untuk perbandingan
Herodotus	History	150 SM	900 M	1,350 tahun	8
Julius Ceasar	Gallic Wars	50 SM	900 M	950 tahun	10
Tacitus	Annals	100 M	1100 M	1000 tahun	20
Piny	Natural History	100 M	850 M	750 tahun	7
Ramai penulis	Kitab Perjanjian Baru	50-100 M	250 M	200 tahun	5000+

Sumber: Dari Christian History Institute-Discovering the Bible.

7.8 RUMUSAN

Kini kita sudah mengenal pasti bahawa Alkitab, kedua-dua Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru telah disokong oleh banyak tulisan purba yang lain sehingga ia boleh dikatakan tepat dan sangat hampir dengan yang asal. Pada bab yang seterusnya, anda akan dibawa menjelajah cerita-cerita utama dalam Alkitab selama 10 minit.

Alkitab ditulis dalam jangka waktu 1,500 tahun oleh 40 orang penulis. Ia menceritakan bagaimana Tuhan mengendalikan manusia sepanjang zaman. Bagaimana kita boleh meringkaskan tema dalam Alkitab?



Ufuk Bumi ketika matahari terbenam di Lautan Pasifik.

Sumber: Nasa melalui Wikimedia Commons

8.1 PENCIPTAAN DUNIA

Pada mulanya, Tuhan menciptakan dunia dengan begitu sempurna. Manusia dicipta mengikut gambaran Tuhan untuk memerintah seluruh ciptaan Tuhan. Tuhan mempunyai hubungan secara peribadi bersama dengan Adam dan Hawa.

8.2 DOSA MEMUTUSKAN HUBUNGAN ANTARA TUHAN DAN MANUSIA

Apabila Adam dan Hawa melawan perintah Tuhan, mereka memberontak terhadap-Nya. Dosa datang ke dunia dan memutuskan hubungan antara Tuhan dan manusia.

Akan tetapi seorang penyelamat telah dijanjikan akan datang untuk membawa manusia kembali kepada Tuhan. Kisah ini ditulis dalam Kejadian, buku pertama dalam Alkitab.



Adam dan Hawa dihalau keluar dari Taman Eden setelah mereka mengingkari Tuhan. Sumber: Pristine World

8.3 BAHTERA NUH

Ketika jumlah manusia semakin meningkat, dosa-dosa menjadi semakin teruk sehingga seluruh dunia menjadi jahat di hadapan Tuhan. Hanya Nuh dan keluarganya yang hidup suci dan setia. Dunia dihakimi dan dimusnahkan oleh banjir besar. Akan tetapi Bahtera Nuh menyediakan keselamatan kepada mereka yang percaya.



8.4 ABRAHAM

Selepas banjir besar, Penebusan Tuhan tertumpu kepada seorang manusia iaitu Abraham dan keluarganya.

Terdapat satu janji bahawa Mesias dunia akan datang dari keturunan Abraham: Kejadian 12:3

“Aku akan memberkati mereka yang memohonkan berkat bagi engkau, dan Aku akan mengutuk mereka yang mengutuk engkau. Melalui engkau, semua kaum di bumi akan diberkati.”




8.5 DARI SATU KELUARGA KINI MENJADI SATU BANGSA

Satu kebuluran yang berlaku di Kanaan memaksa anak-anak Israel untuk berpindah ke Mesir. Setelah 430 tahun mereka hidup di Mesir, suku-suku dari keluarga ini berkembang dan bertambah ramai tetapi dijadikan hamba oleh orang Mesir. Tuhan menghantar seseorang yang akan membebaskan mereka iaitu Musa yang menyelamatkan mereka melalui banyak perbuatan-perbuatan yang ajaib. Tuhan memberikan Sepuluh Perintah dan Peraturan-peraturan melalui Musa. Cerita ini boleh ditemui dalam Keluaran, buku kedua dalam Alkitab.

8.6 ISRAEL MEMASUKI TANAH PERJANJIAN

Setelah kematian Musa, Yosua memimpin orang Israel ke Tanah perjanjian. Raja Isreal yang pertama ialah Saul tetapi setelah dia berkali-kali mengingkari Tuhan, nabi Samuel dihantar untuk mengurapi raja yang baru.

Dia ialah Daud. Daud membawa Tabut Perjanjian yang mengandungi Sepuluh Perintah ke kotanya di Yerusalem. Ini menekankan pentingnya perintah Tuhan.



Yosua dan Kejatuhan Yerikho.
Sumber:Wikimedia Commons

8.7 RAJA-RAJA ISRAEL

Raja Daud digantikan oleh anaknya, Raja Solomon. Raja Israel yang seterusnya lupa akan kepentingan peraturan Tuhan dan menyembah tuhan-tuhan dari negara di sekitarnya.

Kemudian, Israel ditakluk oleh negara-negara asing. Israel tewas dan dibuang oleh kuasa asing yang menakluk mereka. Tempoh waktu dari 1000 SM sehingga kira-kira 400 SM ini diceritakan dalam buku-buku sejarah dalam Perjanjian Lama.



Orang buangan Yahudi sedang duduk di tebing Sungai Babilon.
Lukisan oleh Gebhard Fugel s. 1920 Sumber:Wikimedia Commons



Lawatan Ratu Syeba kepada Raja Solomon – lukisan oleh Edward Poynter 1890 Galeri Seni oleh NSW – Domain Awam.




Yehuda tewas dan dibuang ke Babilon s. 590-586 SM.

8.8 NUBUATAN TENTANG MESIAS YANG AKAN DATANG

Pada waktu ini, Tuhan berkomunikasi melalui banyak nabi tentang kedatangan seorang Yang Dijanjikan untuk menyelamatkan Israel. Beberapa nubuatan tentang kelahiran Mesias:


- Maleakhi (s. 400 SM) berkata bahawa seorang nabi seperti Elia akan datang dan mempersiapkan jalan untuk Mesias – Maleakhi 4 ayat 5 hingga 6.
- Mikah (s. 700 SM) berkata bahawa Mesias itu akan dilahirkan di Betlehem – Mikah 52.
- Yesaya (s. 700 SM) menulis bahawa seorang perempuan yang masih dara akan melahirkan Mesias – Yesaya 7 ayat 14 dan Dia akan datang dari keturunan Daud. Dia akan memerintah dengan penuh kebenaran dan keadilan. Pemerintahan-Nya akan kekal selamanya – Yesaya 9 ayat 6 hingga 7.



Gambar oleh Dennis Jarvis, Lukisan di dalam gereja di Halifax, Kanada. Sumber:Wikimedia Commons

8.9 NUBUAT TENTANG APA YANG AKAN DILAKUKAN OLEH MESIAS

- Dia akan melakukan mukjizat penyembuhan. Yesaya 35:4-6 berkata Tuhan akan datang. Dia akan menyembuhkan yang buta, pekak, bisu dan lumpuh (Yesaya 35 ayat 4 hingga 6).
- Dia merupakan seorang yang mengasihi dan mengisyiharkan berita baik kepada orang miskin (Yesaya 42 ayat 3).
- Dia akan menjadi terang kepada orang bukan Yahudi dan membawa keselamatan sehingga ke hujung bumi (Yesaya 49 ayat 6).



Yesus menyembuhkan orang lumpuh seperti yang diceritakan dalam Injil. Sumber: Pristine World

8.10 NUBUAT TENTANG KEMATIAN DAN KEBANGKITAN MESIAS

- Mesias akan menderita dan mati tetapi bagi mereka yang percaya kepada-Nya, kematian ini menjadi bayaran bagi dosa-dosa mereka (Yesaya 53).

- Penjelasan terperinci tentang kematian Mesias di atas kayu salib ditulis dalam buku Yesaya dan Zakharia 12:10 dan keseluruhan Mazmur bab 22.



8.11 YESUS IALAH MESIAS YANG DIJANJIKAN

Yesus ialah Mesias yang datang untuk menggenapi semua nubuatan ini dan juga membawa keselamatan bukan sahaja kepada orang Israel tetapi kepada semua yang percaya. Cerita ini boleh dibaca dalam Injil dalam kitab Perjanjian Baru.



8.12 GEREJA ZAMAN PERJANJIAN BARU BERMULA

Setelah kebangkitan-Nya, Yesus diangkat ke syurga. Para pengikut-Nya yang digelar sebagai rasul diurapi oleh Roh Kudus untuk mengajar tentang Injil kepada semua orang bermula dari Yerusalem sehingga ke seluruh dunia.



Pada mulanya pihak berkuasa Yahudi menentang ajaran Firman tersebut kerana mereka tidak mempercayai bahawa Yesus ialah Mesias yang dijanjikan. Akan tetapi Firman Tuhan tidak boleh dikekang. Para rasul berkhotbah dan mengajar tentang Berita Baik sehingga di luar Yudea serta Samaria dan Firman Tuhan pun tersebar.

Pengangkatan Kristus
Lukisan oleh Gebhard Fugel s. 1893
Sumber:Wikimedia Commons

8.13 GEREJA ZAMAN PERJANJIAN BARU BERTUMBUH

Setelah kebangkitan-Nya, Yesus diangkat ke syurga. Para pengikut-Nya yang digelar sebagai rasul diurapi oleh Roh Kudus untuk mengajar tentang Injil kepada semua orang bermula dari Yerusalem sehingga ke seluruh dunia.



Karya Seni: Pristine World

Pada mulanya pihak berkuasa Yahudi menentang ajaran Firman tersebut kerana mereka tidak mempercayai bahawa Yesus ialah Mesias yang dijanjikan. Akan tetapi Firman Tuhan tidak boleh dikekang. Para rasul berkhotbah dan mengajar tentang Berita Baik sehingga di luar Yudea serta Samaria dan Firman Tuhan pun tersebar.




Rasul Paulus membawa Injil ke Atena dan Eropah.

8.14 BAGAIMANA AGAMA KRISTIAN BERKEMBANG DITENGAH-TENGAH PENINDASAN

Pada mulanya, orang Kristian dianiaya oleh pihak berkuasa Yahudi. Kemudian, apabila agama Kristian tersebar sehingga ke luar Yudea, mereka dianiaya oleh pihak berkuasa Roma. Orang-orang Kristian ditangkap dan kehilangan semua harta benda serta hak mereka. Ramai yang dibunuh di khayal ramai atau dihukum mati. Akan tetapi mereka sanggup ditindas bahkan mati demi iman mereka.


Setelah 2000 tahun berlalu, apakah peranan Alkitab dalam membentuk dunia? Kita akan melihat soalan ini dalam bab yang seterusnya.



Obor Nero

Menurut sejarawan Kristian iaitu Tacitus, Nero menggunakan orang Kristian sebagai obor setelah Kebakaran Besar di Rom. Lukisan oleh Henryk Siemiradzki s. 1878

Sumber: Domain Awam



Kebakaran di Rom.

Menurut Tacitus, Nero menuduh orang Kristian sebagai orang yang menyebabkan kebakaran.

Lukisan oleh Carl Theodor von Piloty s. 1861

Sumber: Domain Awam CC oleh-SA3.0

Alkitab telah menjadi pemacu utama yang mendorong kepada kemajuan dunia. Ia mempengaruhi kehidupan ramai orang yang kemudiannya membawa perubahan kepada masyarakat.

Bumi seperti yang dilihat dari angkasa oleh DLR Pusat Angkasa Jerman.

Sumber:Wikimedia Commons



9.1 ALKITAB DAN PENGUDUSAN HIDUP

Menurut ajaran Alkitab, jemaah Kristian awal melihat kehidupan sebagai satu anugerah Tuhan. Nyawa manusia harus diperlakukan dengan bermaruah dan penuh hormat.

Carta berikut meringkaskan beberapa cara orang Kristian menghormati nyawa manusia dan bagaimana jemaah Kristian awal melakukan prinsip tersebut.

Carta – Kekudusan Hidup Manusia

	Budaya Greco-Roman	Budaya lain	Agama Kristian
Pembunuhan bayi	Diterima oleh ramai ahli falsafah pagan dan sudah lama dilakukan sebelum dan selepas agama Kristian wujud	Diamalkan dalam banyak masyarakat pagan di Asia, Afrika dan Amerika	Dikutuk oleh orang Kristian. Pengaruh mereka memaksa maharaja Roma untuk mengharamkan pembunuhan bayi pada pertengahan abad ke-4 M
Pembuangan kanak-kanak	Diperbolehkan dan diamalkan dalam banyak masyarakat pagan	Diamalkan dalam banyak masyarakat pagan sebelum dan juga selepas kelahiran Kristus	Diamalkan dalam banyak masyarakat pagan sebelum dan juga selepas kelahiran Kristus

	Budaya Greco-Roman	Budaya lain	Agama Kristian
Pengguguran janin	Diterima dan diamalkan secara meluas sebelum dan selepas agama Kristian memasuki masyarakat Greco-Roman	Diamalkan sejak dahulu kala	Dikutuk oleh Jemaah Kristian awal dan juga oleh pemimpin gereja dan majlis-majlis contohnya Majlis Elvira (Sepanyol) 305 M
Korban manusia	Pertunjukan gladiator Roma boleh dikatakan sebagai pertunjukan korban manusia untuk tujuan hiburan orang ramai dan juga untuk maharaja	Orang Kanaan dan banyak lagi budaya mempersembahkan korban kanak-kanak, selalunya kepada dewa-dewa pagan. Orang Indian Aztec dan Mayan mengorbankan pejuang yang telah ditangkap dalam upacara keagamaan	Maharaja yang beragama Kristian mengharamkan permainan gladiator di Timur pada tahun 390 M dan akhirnya di Barat pada tahun 404 M.
Bunuh Diri	Diterima secara terbuka	Diperbolehkan oleh orang Jepun dan budaya lain	Dilihat sebagai melanggar salah satu Sepuluh Perintah “Jangan membunuh” Ditolak secara rasmi oleh ramai pemimpin gereja

Sumber: *How Christianity Changed the World*.

9.1.1 Pembunuhan bayi dan Pembuangan kanak-kanak

Jemaah Kristian awal mengutuk kebiasaan Roma membunuh bayi yang lemah atau cacat. Mereka juga menentang budaya membuang anak pada zaman Roma dan selalu membawa orang buangan ke rumah lalu menjadikan mereka ahli keluarga angkat.

“Pada zaman pemerintahan Roma pembunuhan bayi atau pembuangan bayi merupakan perkara biasa; selalunya keluarga Kristian akan mengambil bayi tersebut sebagai anak angkat dan membesarkannya”.



Rujukan: http://www.nbcnews.com/id/42911813/ns/technology_and_science-science/t/infanticide-common-roman-empire/

9.1.2 Gelanggang Gladiator

Rujukan: <https://en.wikipedia.org/wiki/Gladiator>

Pada zaman Roma, hamba dan orang tahanan diarahkan untuk membunuh antara satu sama lain dalam gelanggang Gladiator sebagai satu bentuk hiburan. Alkitab yang memandang tinggi nilai nyawa manusia telah menggerakkan hati Maharaja untuk mengharamkan perlawan gladiator.

Perlawan gladiator wujud selama berabad-abad, dan menjadi terkenal pada abad I M dan 2 M. Perlawan ini akhirnya mula berkurang pada awal abad ke-5 setelah Empayar Roma mengangkat agama Kristian sebagai agama umum pada tahun 380 M, walaupun pemburuan binatang buas masih berlanjutan sehingga abad ke-6.



Orang Kristian yang mati demi iman dalam Gelanggang Roma. Kedua-dua lukisan oleh Jean-Leone Gerome s. 1863-1883.

Sumber: Domain Awam



9.1.3 Alkitab Menentang Korban Manusia

Dalam banyak budaya pada zaman purba, korban manusia merupakan perkara yang biasa. Mereka berfikir bahawa ia boleh menyenangkan hati tuhan-tuhan lalu memberkati mereka.

Pada zaman Perjanjian Lama, beberapa upacara penyembahan orang Kanaan memerlukan korban manusia. Tuhan berfirman melalui Musa dan memberikan perintah yang mengharamkan amalan tersebut. Alkitab mengajar kita untuk menjadikan kehidupan sebagai persembahan yang hidup, yang bermaksud kita perlu menjalani kehidupan di jalan yang benar untuk memuliakan Tuhan yang telah mencipta kita.



Musa menjulang Sepuluh Perintah Tuhan Lukisan oleh Rembrandt s. 1659.

Sumber:Wikimedia Commons


9.2 REVOLUSI PERINDUSTRIAN



Mari kita melompat ke pertengahan abad ke-18. Salah satu peristiwa terpenting yang mengubah dunia sekitar tahun 1760 di Barat dipanggil sebagai Revolusi Perindustrian.

Revolusi perindustrian pada dasarnya ialah perubahan dari produksi kaedah manual menggunakan tangan kepada produksi besar-besaran dengan menggunakan mesin. Ia bermula di Great Britain dan membawa perubahan besar kepada kemajuan industri pembuatan. Tidak lama kemudian ia ditiru oleh banyak negara di Eropah Barat.

Revolusi Perindustrian merupakan salah satu peristiwa yang paling penting dalam sejarah pembangunan manusia. Dalam tempoh ini, negara-negara Barat mula menunjukkan kemajuan dalam produktiviti teknologi dan ekonomi mereka. Akan tetapi hanya golongan kaya dan berkuasa yang menerima manfaat dari revolusi ini.



Sebuah mesin Penenun Roberts di dalam bengkel tenunan pada tahun 1835. Industri tekstil merupakan industri yang paling maju pada masa Revolusi Perindustrian dan kilang yang mempunyai mesin menggunakan kuasa stim menjadi tempat kerja baharu.

Ilustrasi oleh: T. Allom s. 1835

Sumber: Domain Awam

Ruj: https://en.wikipedia.org/wiki/Industrial_Revolution

(Rujukan: McCloskey, Diedre (2004).

Review of The Cambridge Economic History of Modern Britain (di sunting oleh Roderick Floud dan Paul Johnson), Times Higher Education Supplement, 15 Januari 2004)



Sedihnya, banyak ketidakadilan berlaku dalam masyarakat. Orang miskin dan mereka yang tidak mempunyai kuasa politik dipergunakan. Ramai kanak-kanak bandar yang miskin dipaksa bekerja dalam tempoh yang panjang di kilang dalam keadaan teruk untuk majikan mereka. Pada masa yang sama, peluasan koloni juga sedang berlangsung. Pemerdagangan hamba menjadi bisnes yang jahat tetapi maju.

Bagaimana Alkitab menginspirasi orang Kristian untuk berbuat sesuatu demi menentang ketidakadilan tersebut?

Alkitab menegah pengeksplotasian orang miskin. Yesus mengajar murid-murid-Nya untuk menjaga orang yang miskin, sakit, terpinggir dan juga menghormati maruah manusia. Amsal 31 ayat 8 dan 9 mengatakan, “Bukalah mulutmu demi mempertahankan orang bisu, dan bagi hak semua orang yang hampir lenyap. Bukalah mulutmu, adililah secara benar, belalah hak orang miskin dan orang melarat”.




Alkitab mengajar bahawa Tuhan memandang kita sama rata tanpa mengira kaum, jantina atau panggilan kerjaya. Rujuk kepada Galatia 3:28.

9.3 PENDIDIKAN

Alkitab mendorong untuk belajar sebagai satu cara untuk menambah baik kehidupan kita. Banyak ayat-ayat dalam Alkitab yang menggalakkan kita untuk menghormati guru kita dan mementingkan kerjaya mengajar.

Jawapan Kristian bagi kemiskinan dan buta huruf ialah pendidikan secara besar-besaran. Beberapa tonggak pencapaian pengaruh Kristian dalam pembangunan pendidikan di sepanjang zaman.



Amsal 16 ayat 16 berkata, “Alangkah lebih baik memperoleh kebijaksanaan daripada emas, memperoleh pengertian patut lebih dipilih daripada perak!”

Organisasi Pendidikan atau Tonggak Pencapaian	Penyokong Kristian awal dan Tempoh Masa
Injil Perjanjian Baru	Yesus mengarahkan murid-murid-Nya: “ Ajarlah mereka” (Matius 28:20)
Didache (Ajaran Dua Belas)	s. 85-110 M
Sekolah agama	Justin Martyr s. 150 M
Sekolah biara	Pengasas tidak diketahui s. abad ke-5 M
Universiti pertama, Bologna, Itali	Maharaja Frederick Barbarossa s. 1158
Sekolah awam	Martin Luther, sekitar tahun 1530
Pendidikan universal iaitu pendidikan untuk semua orang	Martin Luther sekitar 1530/ John Calvin sekitar 1550 kedua-dua mereka merupakan pemimpin gereja yang terkenal
Pendidikan yang ditanggung oleh cukai	Martin Luther sekitar 1530
Pendidikan wajib	Martin Luther dan Philipp Melanchthon sekitar 1530

Organisasi Pendidikan atau Tonggak Pencapaian	Penyokong Kristian awal dan Tempoh Masa
Kolej Amerika pertama-Universiti Havard	New Towne pada tahun 1636 tetapi kemudian dinamakan semula sebagai Kolej Havard sempena John Havard, seorang pemimpin gereja pada tahun 1639
Sekolah tadika	Friedrich Froebel, sekitar 1849
Sekolah minggu	Robert Raikes, sekitar 1780
Pendidikan orang pekak (Eropah)	Abbe Charles Michel de l'Eppe, 1775
Pendidikan orang buta (kaedah Braille)	Louis Braille, 1834

Sumber: *Christianity Changed the World*.

9.3.1 Pendidikan untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan

Yesus mengajar para pengikut-Nya yang mewakili kedua-dua jantina. Para rasul memuridkan pemimpin gereja, lelaki dan perempuan.



Sumber: © Pristine World

9.3.2 Pendidikan tanpa melihat tahap sosial dan wajib untuk semua

Alkitab menggalakkan orang percaya untuk mengajar semua yang ingin belajar, bukan hanya dari golongan atasan sahaja.

Biasanya, kanak-kanak golongan miskin selalu dipergunakan untuk menjadi buruh dengan bayaran murah. Orang Kristian mendorong kerajaan mereka untuk memperkenalkan pendidikan wajib untuk kanak-kanak supaya semua mempunyai peluang untuk menerima pendidikan asas. Martin Luther merupakan salah seorang Kristian prominen terawal yang memberi tekanan kepada pihak berkuasa Jerman untuk menggunakan hasil cukai bagi membantu Sekolah Awam pada awal abad ke-16.



Sumber: © Pristine World

9.3.3 Gerakan Sekolah Minggu

Gerakan Sekolah Minggu dimulakan oleh Robert Raikes, pemilik sebuah perusahaan surat khabar di England. Semasa Revolusi Perindustrian di England, pendidikan hanya boleh dinikmati oleh golongan kelas atasan sahaja.

Oleh kerana kanak-kanak miskin bekerja sepanjang minggu di kilang-kilang, mereka tidak dapat pergi ke sekolah. Mereka berkeliaran di jalan raya pada hari Ahad.



Potret Robert Raikes
Sumber: Christianity Today

Pada tahun 1780, Raikes mengambil keputusan untuk menubuhkan sekolah pada hari Ahad untuk mendidik kanak-kanak ini. Apabila sesi pembelajaran selesai, mereka dibawa ke gereja untuk belajar perkara rohani. Hal ini memberikan kesan yang sangat dramatik. Perilaku ramai kanak-kanak berubah dan kadar jenayah menurun di bandar tersebut.

Sekolah Minggu merupakan satu-satunya sumber pendidikan rasmi bagi kebanyakan kanak-kanak miskin sehingga tahun 1893 apabila satu undang-undang akhirnya diluluskan untuk mewajibkan persekolahan bagi kanak-kanak yang berumur dari 5 hingga 13 tahun di England dan Wales.

Rujukan: *Christianity in the Modern World*.



Kelas Sekolah Minggu di A.S s. 1946

Russell Lee (Domain Awam), melalui Wikimedia Commons

9.3.4 Sekolah bagi mereka yang kurang upaya – Orang Pekak

Abbe Charles Michel de L'Epee, Thomas Gallaudet dan Laurent Clerc memperkenalkan Bahasa isyarat pada abad ke-18 untuk memulakan sekolah bagi orang-orang pekak.



Sumber: Sekolah orang pекак
Perkins

Untuk bacaan lanjut rujuk kepada:

Untuk bacaan lanjut rujuk kepada:
<https://www3.gallaudet.edu/clerc-center/info-to-go/deaf-culture//laurent-clerc.html>



*Laurent Clerc – Rasul
kepada orang pekak s.
1816*

*Sumber: Muzium Sejarah
Kurang Upaya*

9.3.5 Sekolah bagi mereka yang kurang upaya – Orang Buta

Lous Braille, seorang Kristian yang berdedikasi telah menjadi buta ketika berumur 3 tahun. Beliau mengikut sistem bacaan waktu malam angkatan tentera untuk mencipta satu kaedah bacaan melalui sentuhan dan menghasilkan huruf Braille pada tahun 1844.



A portrait of Louis Braille is positioned on the left side of the slide. To his right is a large grid titled "The Braille Alphabet". The grid consists of five rows of two columns each, showing the braille representation for each letter of the English alphabet. The first row contains 'a' through 'j', the second row contains 'k' through 't', the third row contains 'l' through 's', the fourth row contains 'm' through 'r', and the fifth row contains 'n' through 'z'. Each letter is represented by a unique combination of raised dots.

Untuk maklumat lanjut rujuk kepada:
<https://braillo.com/braille-literacy/louis-braille-day/>

9.4 REFORMASI KERAJAAN

Orang-orang Kristian merupakan barisan hadapan yang mengubah sistem-sistem kerajaan. Pada sekitar awal 1200, bangsawan England sudah tidak tahan dengan kezaliman Raja John yang sentiasa menyalahgunakan kuasanya. Pada tahun 1215, mereka berkumpul di Runnymede dan dengan bantuan pemimpin-pemimpin gereja, telah menggubal satu perintah yang menyediakan garis panduan bagaimana memerintah sebuah Negara. Perintah tersebut dipanggil sebagai Magna Carta.



Magna Carta pada tahun 1215 Sumber: Domain Awam

Raja John terpaksa menandatangani perintah tersebut. 4 prinsip utama Magna Carta ialah:


- a. Keadilan tidak boleh dijual atau tidak diberikan kepada rakyat
- b. Tiada cukai tanpa perwakilan
- c. Tiada penahanan tanpa perbicaraan
- d. Hartanah tidak boleh disita tanpa pampasan



Raja John dipaksa menandatangani Magna Carta pada tahun 1215. Sumber: Domain Awam

Ahli sejarah menyusur permulaan parlimen demokrasi moden kepada piagam ini.

9.5 WILLIAM WILBERFORCE – PERJUANGAN MENENTANG PERHAMBAAN



William Wilberforce (1759-1833)
Dilukis oleh Anton Hickel s. 1794
Sumber:Wikimedia Commons

William Wilberforce (1759-1833), dilahirkan dalam keluarga berada dan menghabiskan waktu belajarnya dengan berjudi dan minum arak. Apabila beliau menjadi seorang Kristian yang berkomitmen pada tahun 1785, nilai dan gaya hidupnya berubah dan beliau membangun semangat untuk reformasi sosial.

Bersama-sama dengan rakannya dari lingkungan Clapham serta jawatannya sebagai ahli parlimen, beliau menyokong gerakan penghapusan hamba abdi dan mengetuai kempen parlimen menentang perdagangan hamba abdi British. Wilberforce berjuang menentang perdagangan hamba abdi selama hampir dua puluh tahun sebelum ia diharamkan di Britain pada tahun 1807. Pada tahun 1833, tiga hari sebelum kematiannya, Wilberforce akhirnya melihat objektifnya tercapai apabila perhambaan diharamkan di seluruh Empayar British.

Rujuk kepada *Christianity in the Modern World* oleh Pristine World untuk maklumat lanjut.



Pedagang hamba abdi di Persisiran Barat Afrika – abad ke-18
Oleh: Francois-Auguste Biard (Domain Awam), melalui Wikimedia Commons



Seorang pedagang hamba abdi menangkap hamba berbangsa Afrika di Afrika

Sumber: CCO4.0 melalui Wikimedia Commons

9.6 KESIMPULAN

Terdapat banyak lagi contoh di mana Alkitab telah mempengaruhi orang-orang yang telah menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia.

Alkitab merupakan sebuah buku luar biasa yang telah membentuk dunia seperti hari ini, lebih dari buku yang lain. Kami berharap anda akan terdorong untuk membaca harta berharga yang ada di dalam Alkitab.

Pada bab yang seterusnya, anda akan diberikan beberapa cara untuk memulakan pembacaan Alkitab, terutamanya jika anda belum pernah membacanya.

10.1 MEMILIH ALKITAB

Pertama sekali, pastikan bahasa apa yang anda ingin gunakan. Sekiranya anda mencari Alkitab terjemahan Bahasa Inggeris, terdapat banyak terjemahan yang sangat baik untuk pilihan anda.



Meja yang mempunyai banyak Alkitab dalam pelbagai Bahasa.

10.1.1 Saranan untuk Alkitab yang senang dibaca

Sekiranya anda membaca Alkitab untuk pertama kalinya dan menginginkan Alkitab yang senang dibaca, ini adalah beberapa versi yang ada:

- The Contemporary English Version - CEV
- The New Living Translation – NLT
- The Good News Bible - GNB


Saya suka
Alkitab NLT
saya

Saya suka
Alkitab CEV
saya

**10.1.2 Senang dibaca tetapi boleh digunakan untuk mempelajari Alkitab**

Sekiranya anda ingin melabur dengan Alkitab untuk jangka panjang; senang dibaca serta hampir sama dengan perkataan terjemahan asal, anda boleh mencuba Alkitab berikut:

- The New International Version - NIV
- New Revised Standard Version - NRSV



Sumber:Wikimedia Commons

10.1.3 Untuk Pembelajaran Alkitab yang Serius

Sekiranya anda menginginkan Alkitab untuk tujuan pembelajaran yang serius, anda perlu mencari Alkitab yang menggunakan kaedah terjemahan perkataan demi perkataan atau kaedah terjemahan formal. Versi terjemahan ini cuba untuk menggunakan perkataan Bahasa Inggeris yang terdekat dengan maksud asal Alkitab bahasa Ibrani atau Greek. Ia baik untuk ketepatan, tetapi ada kalanya ayat-ayat ditulis dengan gaya yang sukar difahami.

Contoh Alkitab yang diterjemahkan seperti itu adalah:

- New King James Version – NKJV
- English Standard Version - ESV
- New American Standard Bible - NASB

10.2 BAGAIMANA MEMULAKAN PEMBACAAN ALKITAB?

Lihat kepada muka surat isi kandungan. Anda akan melihat bahawa Alkitab dibahagikan kepada dua seksyen yang dipanggil Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.

Alkitab merupakan sebuah buku yang unik. Anda tidak perlu bermula dari muka surat pertama dan membacanya sehingga muka surat terakhir seperti buku biasa. Setiap satu daripada 66 buah buku dalam Alkitab merupakan buku yang lengkap secara tersendiri.





Muka Surat Isi Kandungan dalam Alkitab Bahasa Inggeris ESV.
Gambar oleh: Penulis

10.3 BERMULA DENGAN INJIL

Jika anda membaca Alkitab untuk pertama kali, mungkin lebih baik anda mula membaca dari buku-buku Injil dalam Perjanjian Baru. Ingatlah bahawa Injil merupakan penceritaan sejarah kehidupan Yesus Kristus. Jadi ia ditulis dalam gaya penceritaan dan sejarah.

Setiap Injil mencerminkan kehidupan Kristus. Ada beberapa cerita yang diulang dalam setiap Injil tetapi ia diceritakan dari sudut pandang yang berbeza.



© Siri Penjelajahan Alkitab Visual diterbitkan oleh Pristine World.


10.4 MEMBACA BUKU KEJADIAN

Anda juga boleh bermula dari buku Kejadian. Ia menceritakan bagaimana Tuhan mencipta dunia dan bagaimana dosa wujud di dunia. Tetapi jika anda mula membaca dari buku Kejadian, anda boleh beralih kepada Injil setelah anda selesai membaca buku Kejadian.



© Siri Penjelajahan Alkitab Visual diterbitkan oleh Pristine World.

10.5 BANTUAN PEMBELAJARAN ALKITAB



Beberapa buku dari Siri Penjelajahan Alkitab Visual oleh Pristine World

Anda boleh membaca Alkitab sendiri. Atau jika anda ingin, dapatkan sumber bacaan lain untuk membantu anda memahami buku-buku dalam Alkitab. Pristine World mempunyai beberapa siri pembelajaran multimedia yang dipanggil siri Penjelajahan Alkitab Visual yang boleh membantu anda menelusuri Alkitab. Anda boleh melawat laman sesawang mereka di www.pristineworld.com untuk mendapatkan maklumat lanjut atau pertanyaan email ke pristineworld@gmail.com.

Anda juga boleh mencuba Modul E-Learning percuma di www.pristineworld-learning.com dan pilihlah buku Kejadian. Modul ini mempunyai 26 bab.

10.5.1 Alat bantu bacaan saat teduh harian Alkitab

Anda boleh membaca sebahagian kecil Alkitab setiap hari dengan panduan dari buku tertentu. Scripture Union menghasilkan banyak panduan pembacaan Alkitab yang mensasarkan pelbagai tahap umur. Tajuk seperti Daily Bread (Pedoman Harian) telah membantu ramai orang Kristian muda dalam memahami Alkitab dan penerapannya.

Kini mereka mempunyai panduan pembacaan harian Alkitab secara dalam talian:

<https://content.scriptureunion.org.uk/wordlive>



10.5.2 Aplikasi Alkitab

Mahukah anda duduk tenang sambil mendengar Alkitab dibacakan? Anda boleh melakukannya dengan bantuan banyak aplikasi seperti You Version Bible. Atau layari <http://www.bible.is/>




Aplikasi You Version Bible kini ada di Apple Store dan juga Google Play.



Bible.is merupakan sebuah laman sesawang dan juga aplikasi yang anda boleh muat turun. Ia membolehkan anda untuk membaca, mendengar dan melihat banyak buku-buku dalam Alkitab.

10.5.3 Panduan Alkitab

Satu siri alat sokongan Alkitab untuk membantu orang Kristian baru melihat Alkitab sama ada di seminar atau video atau buku pedoman.



Reference: <https://www.youtube.com/watch?v=92nHvXwtolk>


10.5.4 Alkitab dalam Bahasa lain selain Bahasa Inggeris

Sekiranya anda berminat membeli Alkitab dalam Bahasa lain, anda boleh melawat Bible Society. Mereka mempunyai Alkitab dalam pelbagai bahasa.

Lihat: <https://www.unitedbiblesocieties.org/society/bible-society-of-malaysia/>

Tonton ringkasan Alkitab dalam Sejarah dari Bible Society Kanada:

https://www.youtube.com/watch?v=r0Zm8_B_4wA



10.6 KERJA-KERJA TERJEMAHAN ALKITAB

Ramai orang di dunia yang masih belum ada Alkitab dalam bahasa mereka sendiri. Ada beberapa etnik yang tidak mempunyai cara untuk menulis bahasa percakapan mereka. Organisasi-organisasi terjemahan Alkitab seperti Wycliffe dan United Bible Societies, dengan kerjasama organisasi pembangunan Bahasa seperti SIL, meneruskan pekerjaan ini untuk membawa Alkitab kepada orang ramai yang masih tidak mempunyai Alkitab dalam Bahasa mereka sendiri.



Kira-kira 1,500 kumpulan etnik mempunyai kitab Perjanjian Baru dan hampir 700 mempunyai Alkitab lengkap dalam Bahasa ibunda mereka.



10.7 MULAKAN PERJALANAN ANDA DALAM PENEROKAAN ALKITAB


Anda boleh memulakan perjalanan anda sekarang dalam beberapa cara:

- Dapatkan Alkitab – disarankan untuk bermula dengan Injil dalam Perjanjian Baru atau buku Kejadian dalam Perjanjian Lama.
- Dapatkan Pedoman Harian atau Nota dari Scripture Union dan gunakannya sebagai panduan bacaan harian.
- Dapatkan aplikasi You Version serta Bible.is kemudian lihat atau dengar Alkitab dimainkan untuk anda.
- Layari www.pristineworld-learning.com dan mulakan dengan modul Kejadian. Kata laluannya ialahpw2019.




Selamat membaca


10.8 Berikut adalah beberapa Alkitab BM dan Indonesia yang amat popular



Alkitab Terjemahan Baru (Lembaga Alkitab Indonesia)



Alkitab Berita Baik




Alkitab Versi Borneo


Rujukan

1. How We Got the Bible
 - Diterbitkan oleh Rose Publishing
2. The Self-guided Tour of the Bible
 - Oleh Christopher D. Hudson
 - Diterbitkan oleh Publishing
3. Discovering the Bible
 - Diterbitkan oleh Christian History Online
4. The One-Stop History of the Bible
 - Oleh Robert V. Huber dan Stephen M. Miller
 - Diterbitkan oleh Lion Hudson
5. The Story of Early Christianity
 - Oleh Mdm Goh Kim Guat
 - Diterbitkan oleh Pristine World
6. The World's Greatest Book
 - Oleh Dr Lawrence H. Schiffman dan Dr Jerry Pattengale
 - Diterbitkan oleh Worthy Publishing Group for Museum of the Bible
7. How Christianity Changed the World
 - Oleh Alvin J. Schmidt
 - Diterbitkan oleh Zondervan 2004
8. The Forbidden Book
 - Oleh Dr Craig Lampe
 - Diterbitkan oleh The Bible Museum
9. Cisco Networking All-In-One for Dummies
 - Edward Tetz
 - John Wiley & Sons Inc


Buku-buku lain dari Pristine World




Genesis - In the Beginning




The Gospel Story



The Story of Early Christianity
Vol.1



Christianity in the Middle Ages
Vol.2



Christianity in the Modern World
Vol.3



Pernahkah anda berfikir tentang sebuah buku yang bernama Alkitab? Ia ditulis dalam tempoh masa selama 1,500 tahun bermula kira-kira dari 1,400 SM sehingga 100 M. Sudah lama masa berlalu namun ia masih menjadi buku yang paling dibaca pada hari ini. Beberapa bahagian tertentu dalam Alkitab telah diterjemah kepada lebih dari 3000 bahasa dan Alkitab yang lengkap telah diterjemahkan kepada lebih dari 700 bahasa. Apa yang membuatnya begitu menarik sehingga ia dikasihi oleh 2.2 bilion penganut Kristian dan dicaci oleh berjuta-juta orang. Mari bersama-sama dengan penyiasat kami Roy dan Jessica yang akan membawa anda kepada satu perjalanan untuk meneroka banyak aspek Alkitab: Dari manakah asalnya Alkitab, apakah negara-negara dalam Alkitab, sejarah dan budaya yang diceritakan dalam Alkitab dan apakah kesan Alkitab kepada masyarakat moden. Apakah tema utama Alkitab di sebalik banyak ceritanya dan bagaimana anda boleh meneroka Alkitab untuk diri sendiri. Kami harap anda menikmati perjalanan ini.



Penulis : Peter C. T. Lim

Penasihat : Brian Spoelman

Dr Ng Kam Weng

Rev Dr Lim Kar Yong

Kata Pengantar: Bishop Ng Moon Hing

✉ Untuk pertanyaan hantar email kepada kami di pristineworld@gmail.com

🌐 Lawat kami di www.pristine-world.com

Cuba E-learning kami di www.pristineworld-learning.com

**Bukan untuk
Dijual**

© Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta Terpelihara 2020